



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI JOHOR TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	iii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	vi
<b>BAHAGIAN I: PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007</b>	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Terhadap Penyediaan Dan Persempahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor	2
<b>BAHAGIAN II: ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	32
<b>BAHAGIAN III: RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Kemajuan Pelaksanaan Rancangan Malaysia RMK-9	33
<b>BAHAGIAN IV: PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	36
Objektif Pengauditan	37
Skop Dan Kaedah Pengauditan	37
Penemuan Audit	38
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	48
Rumusan Dan Syor	49

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAHAGIAN V: PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHKAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM</b>	
Pendahuluan	51
Pengauditian Penyata Kewangan	51
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	52
Persijilan Penyata Kewangan	54
Pembentangan Penyata Kewangan	56
Prestasi Kewangan	58
Rumusan Dan Syor	62
<b>BAHAGIAN VI: TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR</b>	
Pendahuluan	63
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Yang Belum Selesai	63
<b>BAHAGIAN VII: PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI</b>	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	68
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri	68
<b>PENUTUP</b>	70
<b>LAMPIRAN</b>	
I Sijil Ketua Audit Negara	71
II Lembaran Imbangan	72
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	73
IV Penyata Akaun Memorandum	74
V Penyata Akaun Hasil Disatukan	75
VI Nota Kepada Akaun	76

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Mulai tahun ini, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Indeks Akauntabiliti terhadap pengauditan penyata kewangan Kerajaan Negeri. Selain menentukan gambaran kedudukan benar dan saksama terhadap kedudukan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan satu inovasi dengan menetapkan penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam pengesahan penyata kewangan sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan dan tidak memuaskan.

**1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan** – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Kewangan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 751 baucar bayaran bernilai RM254.97 juta, 1,641 penyata pemungut bernilai RM1.59 juta dan 308 baucar jurnal bernilai RM340.46 juta.

3. Laporan ini dibahagikan kepada 8 Bahagian seperti berikut:

- |                     |  |
|---------------------|--|
| <b>BAHAGIAN I</b>   | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007   |
| <b>BAHAGIAN II</b>  | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri  |
| <b>BAHAGIAN III</b> | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri  |
| <b>BAHAGIAN IV</b>  | - Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri   |
| <b>BAHAGIAN V</b>   | - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam |
| <b>BAHAGIAN VI</b>  | - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor                                    |
| <b>BAHAGIAN VII</b> | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri                                       |

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pendapat saya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu diminta melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.

- b) INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) KNOWLEDGE** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas pegawai/kakitangan perlu dilaksanakan secara berterusan.
- d) ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sense of responsibility*).
- e) PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

20 Jun 2008

## **INTI SARI LAPORAN**

### **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2007 telah dapat disahkan. Semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Pada keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor ini adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

### **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2007 adalah bertambah baik berbanding tahun 2006. Defisit Akaun Hasil Disatukan dapat dikurangkan sejumlah RM4.51 juta atau 1.3% menjadi RM335.02 juta pada tahun 2007 berbanding defisit sejumlah RM339.53 juta pada tahun 2006. Manakala Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami penurunan RM3.08 juta atau 1.2% kepada RM260.56 juta berbanding RM263.64 juta pada tahun 2006. Hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM86.38 juta atau 12.5% menjadi RM779.60 juta pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM693.22 juta. Manakala perbelanjaan yang dilakukan telah meningkat sejumlah RM88.99 juta atau 13% menjadi RM775.08 juta pada tahun 2007 berbanding RM686.09 juta pada tahun 2006. Kerajaan Negeri perlu berusaha untuk menambah hasil dan berbelanja secara berhemat untuk memperbaiki Akaun Hasil Disatukan yang masih mengalami defisit.

### **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Sehingga tahun 2007, sebanyak 9,691 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh 14 Jabatan/Agensi. Pada keseluruhannya sebanyak 9,268 projek atau 95.6% daripada 9,691 projek yang telah diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM194.49 juta atau 89.6% daripada RM217.07 juta yang diperuntukkan untuk tahun 2007 telah dibelanjakan oleh 14 Jabatan berkenaan.

## **BAHAGIAN IV – INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan Indeks Akauntabiliti pengurusan kewangan terhadap 4 Jabatan Negeri dan 4 Agensi Negeri. Hasil daripada pengauditan mendapati satu Agensi Negeri iaitu Perbadanan Johor telah memperoleh tahap pengurusan kewangan sangat baik dengan diberi penarafan 4 bintang. Agensi ini boleh dijadikan sebagai tanda aras atau *role model* kepada audit yang lain. Manakala 3 Jabatan/Agensi Negeri memperoleh tahap pengurusan kewangan baik dengan diberi penarafan 3 bintang dan 4 lagi memperoleh tahap memuaskan dengan diberi penarafan 2 bintang. Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap pengurusan kewangan yang baik, memuaskan atau tidak memuaskan perlu mempertingkatkan lagi pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan, pengurusan aset, stor dan inventori serta penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemas kini supaya tahap pengurusan kewangan yang diperoleh dapat diperbaiki menjadi lebih baik dan cemerlang.

## **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM**

5. Pada keseluruhannya, prestasi penyerahan penyata kewangan dan persijilan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah baik. Bagaimanapun, kepentingan pembentangan penyata kewangan yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri sebagaimana kehendak undang-undang perlu diambil perhatian. Sehingga 20 Jun 2008, sebanyak 82 penyata kewangan melibatkan 21 Agensi Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri yang telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagi prestasi kewangan Agensi Negeri, agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.

## **BAHAGIAN VI - TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

6. Beberapa Jabatan dan Agensi yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu telah mengambil tindakan untuk memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan melengkapkan serta mengemaskinikan rekod kewangan berkaitan. Bagaimanapun, terdapat juga Jabatan/Agensi Negeri yang masih mengambil tindakan susulan atau gagal mengambil tindakan terhadap kelemahan yang dibangkitkan. Jabatan/Agensi berkaitan perlu segera mengambil tindakan susulan terhadap kelemahan yang dilaporkan.

## **BAHAGIAN VII - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI**

7. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2005 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 15 November 2007 manakala Laporan Tahun 2006 yang dikeluarkan pada 23 Julai 2007 dibentangkan pada 19 Jun 2008. Pada tahun 2007, Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor telah bersidang sebanyak 3 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 hingga 2005.

**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

## **1. PENDAHULUAN**

**1.1** Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

**1.2** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada 22 April 2008. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2007 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.

**1.2.1** Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.2.2** Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.2.3** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Wang Deposit Berkanun dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**1.4** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

## **2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2007 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada Pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhananya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VI.**

## **3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR**

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam penyata kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

### **3.1 PERINGKAT INTERIM**

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran, baucar jurnal dan penyata bulanan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran seperti berikut:

#### **3.1.1 Terimaan**

Penilaian terimaan terhadap akaun tunai bulanan, penyata pemungut, penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

#### **3.1.2 Pembayaran**

Penilaian pembayaran terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), penyata penyesuaian perbelanjaan dan pindahan dana elektronik.

#### **3.1.3 Baucar Jurnal**

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

#### **3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS**

Penilaian terhadap penyata bulanan SPEKS yang berkaitan dengan wang tunai, akaun perbelanjaan, akaun hasil dan akaun amanah.

### **3.2 PERINGKAT MUKTAMAD**

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persembahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

**Pada pendapat Audit, penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.**

**BAHAGIAN II**  
**ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

#### **4. ANALISIS KEWANGAN**

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis berkaitan meliputi Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum Aset, Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Nota Kepada Akaun.

##### **4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**4.1.1** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah RM260.56 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM100.41 juta dan pelaburan berjumlah RM160.15 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan**  
**Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(339.53)	(335.02)	4.51	1.3
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	5.15	5.15	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	598.02	590.43	(7.59)	(1.3)
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	140.37	168.78	28.41	20.2
	(i) Kumpulan Wang Pembangunan	0.39	0.57	0.18	46.2
	(ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	139.98	168.21	28.23	20.2
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	86.79	187.33	100.54	115.8
	c) Akaun Wang Deposit	370.86	234.32	(136.54)	(36.8)
	<b>Jumlah</b>	<b>263.64</b>	<b>260.56</b>	<b>(3.08)</b>	<b>(1.2)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**4.1.2** Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(460.38)	(307.17)	(346.66)	(339.53)	(335.02)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	4.73	4.73	4.66	5.15	5.15
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	482.55	417.85	438.26	598.02	590.43
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	290.44	223.05	224.29	140.37	168.78
	i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	1.25	1.43	1.55	0.39	0.57
	ii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	289.19	221.62	222.74	139.98	168.21
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	65.26	69.56	71.02	86.79	187.33
	c) Akaun Wang Deposit	126.85	125.24	142.95	370.86	234.32
	<b>Jumlah</b>	<b>26.90</b>	<b>115.41</b>	<b>96.26</b>	<b>263.64</b>	<b>260.56</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**4.1.3** Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bertambah baik dengan baki yang berjumlah RM26.90 juta pada tahun 2003 telah meningkat sejumlah RM233.66 juta atau 868.6% menjadi RM260.56 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini antaranya adalah disebabkan Kerajaan Negeri Johor telah memperoleh surplus pada tahun 2004, 2006 dan 2007 serta peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan daripada RM482.55 juta pada tahun 2003 menjadi RM590.43 juta pada tahun 2007.

## 4.2 WANG TUNAI

**4.2.1** Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada wang tunai dalam bank, wang tunai dalam perjalanan dan wang tunai dalam tangan pada 31 Disember. Wang tunai dalam bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki akaun lain yang dikhaskan untuk tujuan tertentu dan wang tunai dalam perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember. Manakala wang dalam tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit.

**4.2.2** Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2006 dan 2007 menunjukkan peningkatan berjumlah RM7.08 juta atau 7.6% menjadi RM100.41 juta berbanding RM93.33 juta pada tahun 2006. Perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	88.55	97.04	8.49	9.6
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	2.73	1.32	(1.41)	(51.6)
3.	Panjar Wang Runcit	2.05	2.05	0.00	0.00
	<b>Jumlah</b>	<b>93.33</b>	<b>100.41</b>	<b>7.08</b>	<b>7.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor


**4.2.3** Baki wang tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 1**.

**Jadual 4**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	16.47	40.99	13.80	88.55	97.04
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	2.97	1.95	1.99	2.73	1.32
3.	Panjar Wang Runcit	2.16	2.17	2.17	2.05	2.05
	<b>Jumlah</b>	<b>21.60</b>	<b>45.11</b>	<b>17.96</b>	<b>93.33</b>	<b>100.41</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**Carta 1**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

#### 4.3 PELABURAN

**4.3.1** Mengikut Seksyen 8, Akta Acara Kewangan 1957 Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan lain yang dibenarkan. Pelaburan terdiri daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan pelaburan am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 dan juga peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala pelaburan am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Amanah Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah. Pada akhir tahun 2007 pelaburan Kerajaan Negeri adalah merupakan Simpanan Tetap dengan 14 buah Bank berjumlah RM160.15 juta berbanding tahun 2006 berjumlah RM170.31 juta yang diuruskan oleh Bendahari Negeri. Penurunan pelaburan am berjumlah RM10 juta pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah disebabkan simpanan tetap berjumlah RM10 juta telah dicairkan pada bulan November 2007 untuk mengukuhkan kedudukan aliran tunai Kerajaan Negeri. Kedudukan pelaburan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
		170.00	160.00	(10.00)	(5.9)
1.	Pelaburan Am	170.00	160.00	(10.00)	(5.9)
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.31	0.15	(0.16)	(51.6)
<b>Jumlah</b>		<b>170.31</b>	<b>160.15</b>	<b>(10.16)</b>	<b>(6.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor


**4.3.2** Kedudukan pelaburan bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 6** dan **Carta 2**.

**Jadual 6**  
**Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Pelaburan Am	5.00	70.00	78.00	170.00	160.00
2.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.30	0.30	0.30	0.31	0.15
<b>Jumlah</b>		<b>5.30</b>	<b>70.30</b>	<b>78.30</b>	<b>170.31</b>	<b>160.15</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**Carta 2**  
**Kedudukan Pelaburan Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

#### 4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2007 dengan lebihan berjumlah RM4.51 juta berbanding tahun 2006 sejumlah RM7.13 juta. Pada keseluruhannya baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun sejumlah RM4.51 juta atau 1.3% menjadi RM335.02 juta pada tahun 2007 berbanding RM339.53 juta pada tahun 2006. Bagaimanapun perbelanjaan Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM89.01 juta atau 13.0% menjadi RM775.10 juta pada tahun 2007 berbanding RM686.09 juta pada tahun 2006.

##### 4.4.1 Hasil

- a) Kerajaan Negeri Johor memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM779.60 juta iaitu meningkat sejumlah RM86.38 juta atau 12.5% berbanding tahun 2006 berjumlah RM693.22 juta. Peningkatan yang ketara adalah melibatkan Hasil Bukan Cukai iaitu peningkatan sejumlah RM58.67 juta atau 23.8%. Di bawah Hasil Bukan Cukai, peningkatan yang ketara adalah melibatkan hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit serta Perolehan Dari Jualan Borang di mana jumlah hasil pada tahun 2006 yang berjumlah RM134.30 juta telah meningkat sejumlah RM55.28 juta atau 41.2% menjadi RM189.58 juta pada tahun 2007. Jumlah pungutan hasil mengikut kategori bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Pungutan Hasil Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	221.52	226.26	4.74	2.1
2.	Hasil Bukan Cukai	246.78	305.45	58.67	23.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	224.92	247.89	22.97	10.2
<b>Jumlah</b>		<b>693.22</b>	<b>779.60</b>	<b>86.38</b>	<b>12.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor


Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh 2003 hingga 2007, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada Cukai Tanah Berulang, Premium Geran Tanah, Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah, Permit Galian Dan Bahan Batu dan Cukai Perhutanan. Pada tahun 2007, 5 penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri ini telah menyumbang sejumlah RM447.10 juta atau 57.3% daripada jumlah hasil tahun 2007 yang berjumlah RM779.60 juta. Butiran terperinci 5 penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 8** dan di **Carta 3**.

**Jadual 8**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah Berulang	138.76	141.14	151.40	203.44	209.92
2.	Premium Geran Tanah	149.56	199.75	109.69	73.16	133.19
3.	Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah	44.72	57.78	58.26	55.61	64.07
4.	Permit Galian Dan Bahan Batu	14.84	13.34	21.30	19.77	34.06
5.	Cukai Perhutanan	5.63	4.87	3.45	5.44	5.86
<b>Jumlah</b>		<b>353.51</b>	<b>416.88</b>	<b>344.10</b>	<b>357.42</b>	<b>447.10</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**Carta 3**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- b) Analisis Audit mendapati 63 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM199.42 juta dan 58 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM113.04 juta.
- i) Lima butiran hasil yang mengalami peningkatan ketara pungutan hasil tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Peningkatan Ketara Pungutan Hasil**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
1.	Premium Geran Tanah	73.16	133.19	60.03	82.1	Penukaran dari syarat tanah pertanian ke syarat tanah perumahan atau pembangunan
2.	Permit Galian Dan Bahan Batuan	19.77	34.06	14.29	72.3	Kelulusan pengeluaran permit bertambah
3.	Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah	55.61	64.07	8.46	15.2	Perkhidmatan yang diterima daripada penukaran syarat tanah
4.	Cukai Tanah Berulang	203.44	209.92	6.48	3.2	Pengecualian cukai tanah ditarik balik
5.	Faedah Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	3.99	6.29	2.30	57.6	Kenaikan kadar faedah Bank
<b>Jumlah</b>		<b>355.97</b>	<b>447.53</b>	<b>91.56</b>	<b>25.7</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- ii) Manakala 5 butiran hasil mengalami penurunan hasil yang ketara pada tahun 2007 berbanding 2006 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Penurunan Ketara Pungutan Hasil**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
1.	Wang Amanah Yang Tidak Bergerak Dan Tidak Digunakan	70.02	0.00	70.02	100.0	Tiada penutupan akaun amanah yang tidak aktif dan bergerak
2.	Premium Perhutanan	27.68	7.91	19.77	71.4	Tiada Tender dipanggil untuk kawasan baru
3.	Pendapatan Dari Projek-Projek Penswastaan	16.99	9.43	7.56	44.5	Tiada projek baru dan masalah kutipan hasil daripada pemaju
4.	Cukai Air Mentah	3.43	1.15	2.28	66.5	Pengurangan belian air mentah oleh Syarikat Air Melaka Berhad
5.	Cukai Tanah - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	1.33	0.16	1.17	88.0	Tanah berkelompok sudah berkurangan
<b>Jumlah</b>		<b>119.45</b>	<b>18.65</b>	<b>100.80</b>	<b>84.4</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

#### 4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2007 berjumlah RM670.03 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM162.46 juta menjadi RM832.49 juta

peruntukan muktamad bagi tahun 2007. Peruntukan perbelanjaan mengurus ini telah meningkat sejumlah RM77.37 juta atau 10.2% menjadi RM832.49 juta pada tahun 2007 berbanding peruntukan tahun 2006 berjumlah RM755.12 juta. Daripada jumlah RM832.49 juta ini, sejumlah RM775.08 juta atau 93.1% telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM88.99 juta atau 13% iaitu daripada RM686.09 juta pada tahun 2006 menjadi RM775.08 juta pada tahun 2007. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 dan 2007 mengikut pecahan maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	234.10	249.88	15.78	6.7
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	203.86	203.35	(0.51)	(0.3)
3.	Aset	7.61	6.00	(1.61)	(21.2)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	239.83	313.94	74.11	30.9
5.	Perbelanjaan Lain	0.69	1.91	1.22	176.8
<b>Jumlah</b>		<b>686.09</b>	<b>775.08</b>	<b>88.99</b>	<b>13.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- a) Semakan Audit mendapati 3 perbelanjaan menunjukkan peningkatan ketara antara RM5.19 juta hingga RM41.56 juta. Perbelanjaan bagi Bayaran Kerana Hutang Kerajaan mencatat peningkatan tertinggi iaitu sejumlah RM41.56 juta atau 225.1% menjadi RM60.02 juta pada tahun 2007 berbanding RM18.46 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang lain meningkat pada tahun 2007 berjumlah RM41.56 juta. Butiran perbelanjaan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Peningkatan Ketara Perbelanjaan Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Perbelanjaan	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
1.	Bayaran Kerana Hutang Kerajaan	18.46	60.02	41.56	225.1	Peningkatan bayaran faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang lain
2.	Perpendaharaan Negeri	4.02	31.26	27.24	677.6	Peningkatan bayaran Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap
3.	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	160.00	165.19	5.19	3.2	Peningkatan Pemberian Dalam Negeri
<b>Jumlah</b>		<b>182.48</b>	<b>256.47</b>	<b>73.99</b>	<b>41.1</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- b)** Analisis selanjutnya mendapati 3 perbelanjaan yang lain menunjukkan penurunan antara RM0.75 juta hingga RM5.15 juta. Penurunan ketara perbelanjaan tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Penurunan Ketara Perbelanjaan Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Perbelanjaan	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
1.	Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	8.25	3.10	5.15	62.4	Unit Bioteknologi dan Biodiversiti tidak lagi dibawah pentadbiran Unit ini
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	14.70	13.88	0.82	5.6	Pengurangan Pembelian Aset
3.	Dewan Undangan Negeri	4.68	3.93	0.75	16.0	Penurunan Perbelanjaan Di bawah Pentadbiran Am
<b>Jumlah</b>		<b>27.63</b>	<b>20.91</b>	<b>6.72</b>	<b>24.3</b>	

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor*


- c)** Analisis trend perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 14** dan **Carta 4**.

**Jadual 14**  
**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus**  
**Bagi Tahun 2003 hingga 2007**

Bil.	Kategori Perbelanjaan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Emolumen	204.94	215.22	216.63	234.10	249.88
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	191.14	183.96	200.68	203.86	203.35
3.	Aset	3.48	6.27	8.67	7.61	6.00
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	206.52	214.60	222.24	239.83	313.94
5.	Perbelanjaan Lain	0.83	1.30	8.45	0.69	1.91
<b>Jumlah</b>		<b>606.91</b>	<b>621.35</b>	<b>656.67</b>	<b>686.09</b>	<b>775.08</b>

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor*

**Carta 4**  
**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2003 hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- d) Analisis Audit terhadap trend perbelanjaan bagi 5 tahun mendapati perbelanjaan mengurus telah meningkat setiap tahun di mana peningkatan yang ketara adalah melibatkan perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap. Pada tahun 2007, perbelanjaan ini telah meningkat sejumlah RM74.11 juta atau 30.9% menjadi RM313.94 juta berbanding sejumlah RM239.83 juta pada tahun 2006. Antara sebab utama peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan Pemberian Dalam Negeri serta Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Yang Lain.

#### 4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

**4.5.1** Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Pada akhir tahun 2007 baki Akaun Pinjaman Disatukan adalah sama dengan baki pada akhir tahun 2006 kerana tiada terimaan dan bayaran dilakukan pada tahun 2007. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki 1 Januari	4.66	5.15	0.49	10.5
Terimaan	0.50	0.00	(0.50)	100
Bayaran	(0.01)	0.00	(0.01)	100
Baki Pada 31 Disember	5.15	5.15	0.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor


**4.5.2** Kedudukan baki pinjaman bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 16** dan **Carta 5**.

**Jadual 16**  
**Kedudukan Baki Akaun Pinjaman Disatukan**  
**Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	3.52	3.52	3.46	3.95	3.95
2.	Pelbagai	1.20	1.20	1.20	1.20	1.20
	<b>Jumlah</b>	<b>4.72</b>	<b>4.72</b>	<b>4.66</b>	<b>5.15</b>	<b>5.15</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**Carta 5**  
**Kedudukan Baki Pinjaman Disatukan**  
**Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**4.5.3** Analisis Audit terhadap trend baki akaun pinjaman disatukan bagi 5 tahun mendapati baki pinjaman tidak bergerak melebihi 5 tahun. Pihak Audit dimaklumkan bahawa baki akaun ini adalah untuk menampung projek tertangguh yang melibatkan projek Perumahan Awam Kos Rendah, Projek Membentuk Keperluan Bagi Mengatasi Masalah Y2K dan Projek Ladang Hutan Kompensatori. Mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan Bilangan 5, Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir sesuatu tahun kewangan seharusnya tidak berbaki di mana pinjaman yang diterima dipindahkan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Kumpulan Wang yang berkaitan. Pihak Pejabat Perbendaharaan Negeri memaklumkan pelarasannya bagi menunjukkan baki kosong akan dibuat pada tahun 2008.

## **4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN**

**4.6.1** Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Akta Amanah, Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957, Undang-undang atau Perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit.

### **4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 dan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta berkenaan. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Kena Bayar. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2007 berjumlah RM168.78 juta berbanding pada akhir tahun 2006 berjumlah RM140.37 juta iaitu peningkatan sejumlah RM28.40 juta atau 20.2%.

#### **a) Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan urus niaga yang berkaitan dengannya diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, terimaan pemberian dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta terimaan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Kerajaan. Wang dalam Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut. Analisis Audit terhadap Kumpulan Wang Pembangunan mendapati perkara seperti berikut:

- i) Pada akhir tahun 2007, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebihan sejumlah RM0.19 juta berbanding defisit sejumlah RM1.16 juta pada tahun 2006. Dengan lebihan ini, baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2007 menjadi RM0.58 juta berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM0.39 juta. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan**  
**Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Baki Pada 1 Januari	1.55	0.39	(1.16)
Terimaan	190.79	194.69	3.90
Perbelanjaan	(191.95)	(194.50)	(2.55)
Lebihan/(defisit)	(1.16)	0.19	1.35
Baki Pada 31 Disember	0.39	0.58	0.19

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- ii) Peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007 berjumlah RM217.08 juta adalah terdiri daripada sumber langsung. Daripada jumlah peruntukan 2007, sejumlah RM194.50 juta atau 89.6% telah dibelanjakan. Ini menunjukkan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM2.55 juta atau 1.3% iaitu daripada RM191.95 juta pada tahun 2006 kepada RM194.50 juta pada tahun 2007.
- iii) Analisis Audit seterusnya terhadap perbandingan perbelanjaan sebenar dengan peruntukan tahun 2007 mendapati perbelanjaan yang dilakukan bagi 7 jabatan adalah melebihi 90% iaitu Perikanan, Pengairan dan Saliran, Kerajaan Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Menteri Besar, Jabatan Landskap Negeri dan Kerja Raya. Kedudukan perbelanjaan berbanding peruntukan tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Kedudukan Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Tahun 2007**

Bil.	Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Peruntukan (RM Juta)	Peratus Belanja (%)
1.	Perikanan	0.41	0.41	0.00	100
2.	Pertanian	8.70	7.31	1.39	84.0
3.	Pengairan Dan Saliran	19.60	19.25	0.35	98.2
4.	Haiwan	8.50	7.55	0.95	88.8
5.	Kerajaan Tempatan	7.63	7.61	0.02	99.7
6.	Perumahan	3.05	2.15	0.90	70.5
7.	Pejabat Daerah Dan Tanah	11.00	10.73	0.27	97.5
8.	Pejabat Menteri Besar	81.38	75.03	6.35	92.2
9.	Hutan	4.95	4.20	0.75	84.8
10.	Pejabat Agama	25.28	19.64	5.64	77.7
11.	Jabatan Landskap Negeri	1.50	1.40	0.10	93.3
12.	Kerja Raya	42.07	38.56	3.51	91.7
13.	Pelancongan	2.50	0.66	1.84	26.4
14.	Wang Cadangan Belanja Mengejut	0.50	0.00	0.50	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>217.07</b>	<b>194.50</b>	<b>22.57</b>	<b>89.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- iv) Analisis terhadap peruntukan anggaran dan perbelanjaan sebenar bagi tahun 2007 mendapati tiga vot perbelanjaan pembangunan bagi empat projek

pembangunan tidak dibelanjakan langsung. Vot perbelanjaan projek pembangunan yang tidak dibelanjakan ialah Wang Cadangan Belanja Mengejut berjumlah RM500,000, peruntukan subsidi di atas faedah di bawah sistem jualan terus berjumlah RM150,000, membina bangunan pejabat-pejabat kerajaan di Daerah Kecil Tangkak berjumlah RM100,000 dan penyiasatan tapak dan kerja ukur berjumlah RM50,000.

- v) Analisis Audit mendapati 5 vot pembangunan yang melibatkan 5 Jabatan menunjukkan peningkatan perbelanjaan ketara antara 25.0% hingga 61.2% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Cawangan Perumahan telah menunjukkan peningkatan perbelanjaan bagi 3 maksud perbelanjaan iaitu penggantian lif rumah pangsa Larkin dan Bukit Cagar, bayaran kerja-kerja ukur tanah dan proses pengurniaan tanah serta mengelat rumah-rumah pangsa kerajaan dengan perbelanjaan berjumlah RM1.91 juta atau 88.8% daripada perbelanjaan tahun 2007 yang berjumlah RM2.15 juta. Jabatan Haiwan pula menunjukkan peningkatan perbelanjaan bagi maksud projek pembangunan industri lembu/kerbau pedaging, program pengeluaran daging kambing/bebiri segar dan peningkatan pengeluaran makanan ternakan dengan jumlah perbelanjaan RM3.74 juta atau 49.5% daripada jumlah perbelanjaan berjumlah RM7.55 juta. Bagi Pejabat Menteri Besar pula, sejumlah RM63.66 juta atau 84.8% daripada jumlah perbelanjaan berjumlah RM75.03 juta telah dibelanjakan bagi maksud perbelanjaan pembangunan dan rancangan pembangunan kerja-kerja kecil. Manakala jumlah perbelanjaan bagi 2 maksud perbelanjaan Jabatan Hutan iaitu pengurusan sumber hutan dan infrastruktur dan utiliti adalah berjumlah RM2.66 juta atau 63.3% daripada jumlah perbelanjaan tahun 2007 dan Jabatan Lanskap Negeri Johor telah membelanjakan sejumlah RM0.86 juta atau 61.4% daripada jumlah perbelanjaan berjumlah RM1.40 juta pada tahun 2007 bagi program pengindahan. Butir-butir lanjut adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara**  
**Bagi Tahun 2006 Berbanding Tahun 2007**

Bil.	Jabatan	Perbelanjaan		Peningkatan Perbelanjaan	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	SUK Cawangan Perumahan	1.33	2.15	0.82	61.7
2.	Haiwan	5.30	7.55	2.25	42.5
3.	Pejabat Menteri Besar	59.15	75.03	15.88	26.8
4.	Hutan	3.31	4.20	0.89	26.9
5.	Lanskap Negeri	1.12	1.40	0.28	25.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- vi) Tiga vot pembangunan yang melibatkan Jabatan Pelancongan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Agama, telah mengalami penurunan perbelanjaan yang ketara

iaitu antara 20.9% hingga 52.2% pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Analisis Audit mendapati Jabatan Pelancongan hanya membelanjakan sejumlah RM0.66 juta daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM2.50 juta kerana kurang membuat perbelanjaan ke atas aktiviti kajian dan penggalakan pelancongan negeri Johor. Jabatan Kerja Raya pula hanya membelanjakan sejumlah RM38.56 juta berbanding peruntukan berjumlah RM42.07 juta kerana kurang pembinaan bangunan baru pejabat kerajaan di daerah. Manakala Pejabat Agama membelanjakan sejumlah RM19.64 juta daripada peruntukan berjumlah RM25.28 juta kerana tiada perbelanjaan dilakukan untuk membina dan memperbaiki masjid-masjid jamek Kerajaan. Butir-butir lanjut adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Penurunan Perbelanjaan Pembangunan Yang Ketara**  
**Bagi Tahun 2006 Berbanding Tahun 2007**

Bil.	Jabatan	Perbelanjaan		Penurunan Perbelanjaan	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelancongan	1.38	0.66	(0.72)	(52.2)
2.	Kerja Raya	50.79	38.56	12.23	(24.1)
3.	Agama	24.83	19.64	(5.19)	(20.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

#### b) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Akaun Perniagaan, Pelbagai Kumpulan Wang dan Kumpulan Wang Luar Jangka. Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM12.41 juta atau 20.6% kepada RM72.63 juta berbanding RM60.22 juta pada tahun 2006. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Kedudukan Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**  
**Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Perihal	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peratus (%)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)		
1.	Akaun Penyelesaian	6.85	9.24	2.39	34.9
2.	Akaun Pinjaman	40.33	50.33	10.00	24.8
3.	Akaun Perniagaan	0.82	0.84	0.02	2.4
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	11.72	11.72	0.00	0.0
5.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>60.22</b>	<b>72.63</b>	<b>12.41</b>	<b>20.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**Jadual 21** menunjukkan Akaun Pinjaman telah meningkat sejumlah RM10 juta atau 24.8% pada tahun 2007. Analisis Audit mendapati peningkatan ketara baki akaun di

bawah Akaun Pinjaman adalah disebabkan peningkatan baki Akaun Urusniaga berjumlah RM3.14 juta daripada sejumlah RM22.97 juta pada tahun 2006 menjadi RM26.11 juta pada tahun 2007 dan Akaun Pendahuluan Diri Pegawai Awam yang meningkat sejumlah RM2.1 juta menjadi RM3 juta pada tahun 2007.

**c) Akaun Kena Bayar**

Akaun Kena Bayar diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperoleh oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2007, jumlah Akaun Kena Bayar telah meningkat sejumlah RM15.80 juta atau 19.8% menjadi RM95.57 juta berbanding RM79.77 juta pada tahun 2006. Analisis Audit mendapati kebanyakan perbelanjaan yang terlibat adalah bayaran bagi Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli serta Pembaikan Bangunan.

Sebanyak 42 Jabatan terlibat dalam pembayaran di bawah Akaun Kena Bayar. Empat daripada 42 Jabatan yang menunjukkan jumlah bayaran Akaun Kena Bayar tertinggi ialah Jabatan Kerja Raya berjumlah RM27.40 juta atau 28.7%, Jabatan Pengairan Dan Saliran berjumlah RM13.97 juta atau 14.6%, Jabatan Agama Negeri berjumlah RM6.10 juta atau 6.4% dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM6.65 juta atau 7%. Tiga daripada 4 Jabatan ini iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah menunjukkan peningkatan dalam bayaran di bawah Akaun Kena Bayar pada tahun 2007. Peningkatan perbelanjaan Akaun Kena Bayar ini berlaku disebabkan waran tambahan diterima lewat pada bulan November 2007. Manakala Jabatan Agama Negeri menunjukkan pengurangan dalam bayaran di bawah Akaun Kena Bayar pada tahun 2007 tetapi jumlah Akaun Kena Bayar masih tinggi. Perbelanjaan Akaun Kena Bayar bagi 4 Jabatan yang terlibat bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Akaun Kena Bayar Tertinggi Untuk 4 Jabatan**  
**Bagi Tahun 2006 dan 2007**

Bil.	Jabatan	Tahun	Tahun	Peningkatan/	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(Penurunan) (RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	20.74	27.40	6.66	32.1
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran	9.95	13.97	4.02	40.4
3.	Jabatan Agama Negeri	7.39	6.10	(1.29)	(17.5)
4.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	6.58	6.65	0.07	1.1
<b>Jumlah</b>		<b>44.66</b>	<b>54.12</b>	<b>9.46</b>	<b>21.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

#### 4.6.3 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam adalah terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Sumber kewangan Kumpulan Wang Amanah Awam adalah terimaan daripada orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu.

- a) Kerajaan Negeri Johor mempunyai 36 Akaun Wang Amanah Awam yang dikendalikan oleh 15 Jabatan Negeri. Kesemua 36 Penyata Terimaan Dan Bayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 Akaun Amanah ini telah dikemukakan untuk pengauditan. Semakan Audit mendapati 6 daripada 36 Akaun Wang Amanah Awam tersebut tidak aktif sejak tahun 1994 hingga 2004. Enam Akaun Wang Amanah Awam yang tidak aktif adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Akaun Wang Amanah Awam Yang Tidak Aktif**

Bil.	Kumpulan Wang Amanah	Tidak Aktif Sejak Tahun	Baki Pada 31.12.2007 (RM)	Catatan
1.	Akaun Amanah Wang Simpanan Rumah Orang-orang Tua Johor Bahru	1994	1,206	Akaun ini akan ditutup.
2.	Akaun Amanah Rumah Orang Tua Pusat Bina Diri Mersing	1994	4,701	Akaun ini akan ditutup.
3.	Akaun Amanah Untuk Projek Pembangunan Daerah Muar	1996	(4,797)	Tindakan hapus kira akan diambil.
4.	Akaun Amanah Bayaran Perunding Program Penswastaan	1999	290,001	Akaun ini masih diperlukan oleh Pejabat UPEN.
5.	Akaun Amanah Y2K PBT	2002	2,557,385	Akaun ini akan ditutup.
6.	Akaun Amanah untuk Jabatan Pelancongan Negeri Johor	2003	213,908	Dalam tindakan Pejabat SUK.

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Johor

- b) Semakan Audit juga dijalankan terhadap 5 akaun amanah lain dan mendapati perkara seperti berikut:

##### i) Akaun Amanah Pengurusan SPEKS

Akaun ini ditubuhkan bagi tujuan menerima dan mengakaunkan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan sumbangan lain bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan Sistem Perakaunan Komputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Akaun ini dikawal oleh Bendahari Negeri Johor dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006. Baki Akaun Amanah ini pada akhir tahun 2007 menurun sejumlah RM0.20 juta atau 15.3% iaitu daripada RM1.31 juta pada tahun 2006 menjadi RM1.11 juta pada tahun 2007.

**ii) Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka**

Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka ditubuhkan dengan tujuan menyimpan kutipan sumbangan kepada mangsa-mangsa bencana yang diterima daripada pertubuhan dan orang awam. Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor mengikut peraturan Perbendaharaan dan peraturan kewangan lain yang dikeluarkan di bawah Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Amanah ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 1999. Pada tahun 2007 akaun ini telah menerima sumbangan derma banjir berjumlah RM147.63 juta dan melakukan perbelanjaan berjumlah RM129.63 juta. Sumbangan yang diterima adalah daripada Yayasan Kebajikan Negara berjumlah RM9.10 juta, Majlis Keselamatan Negara berjumlah RM125.12 juta dan sumbangan pelbagai berjumlah RM13.41 juta. Baki akaun amanah ini telah meningkat daripada RM0.42 juta pada tahun 2006 menjadi RM18.42 juta pada tahun 2007.

**iii) Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung**

Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan berkuat kuasa pada 2 Mei 2006. Sumber kewangan bagi Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung adalah terimaan berupa sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membuat pembayaran yang melibatkan Elaun Ketua Kampung. Segala terimaan dan bayaran bagi maksud ini diperakaunkan oleh Bendahari Negeri Johor. Akaun ini dikendalikan mengikut peruntukan Arahan Perbendaharaan dan lain-lain Peraturan Kewangan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa di bawah Akta Acara Kewangan 1957. Baki akaun ini pada akhir tahun 2007 berjumlah RM0.50 juta, iaitu meningkat sejumrah RM0.02 juta atau 4.2% berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM0.48 juta.

**iv) Akaun Amanah Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI)**

Akaun Amanah Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor ini telah ditubuhkan pada tahun 2007 dengan tujuan menjalankan program Latihan Graduan dan Lepasan SPM. Sumber kewangan adalah daripada terimaan sumbangan Kerajaan Persekutuan dan badan-badan lain yang dibenarkan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Akaun ini diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan dikendalikan mengikut peruntukan Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa di bawah Akta Acara Kewangan 1957. Baki akaun ini berjumlah RM9.19 juta pada akhir tahun 2007 dengan sumbangan yang diterima berjumlah RM12.98 juta dan perbelanjaan berjumlah RM3.79 juta.

**v) Akaun Amanah Aktiviti Meningkatkan Taraf Hidup Dan Membasmi Kemiskinan**

Akaun Amanah ini telah ditubuhkan pada tahun kewangan 2007 dan berkuat kuasa pada 14 Disember 2007. Tujuan akaun ini ditubuhkan adalah untuk menerima dan mengakaunkan wang daripada bantuan Kerajaan Persekutuan

kepada Kerajaan Negeri Johor untuk tujuan program/aktiviti yang dikenal pasti akan meningkatkan taraf kualiti hidup dan membasmikan kemiskinan di kalangan rakyat dengan dimanfaatkan kepada golongan sasaran terdiri daripada penduduk miskin, ibu tunggal, warga tua, orang kurang upaya, usahawan dan peniaga kecil. Wang ini hanya boleh digunakan oleh golongan sasaran bagi program/aktiviti seperti memperbaiki rumah, menyediakan prasarana asas luar bandar seperti bekalan elektrik dan air, menghulurkan bantuan kebajikan, bantuan persekolahan dan perbelanjaan lain yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri dari semasa ke semasa. Bantuan kewangan yang diterima pada tahun 2007 berjumlah RM20 juta. Kedudukan baki akhir akaun ini berjumlah RM20 juta kerana belum ada pembayaran dibuat.

#### c) Akaun Amanah Penyenggaraan Jalanraya Negeri

Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan-jalan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan Tahun 1957. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Akaun amanah ini digunakan khusus bagi membiayai program penyelenggaraan semua jalan raya Negeri dan perbelanjaan pengurusan lain yang berkaitan.

- i) Baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM109.84 juta berbanding baki berjumlah RM57.95 juta pada akhir tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM51.89 juta atau 89.5%. Baki akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri pada tahun 2003 hingga 2007 dan jumlah terimaan daripada Kerajaan Persekutuan adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri**  
**Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Butiran	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Baki Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri	38.35	39.98	43.66	57.95	109.84
2.	Jumlah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan	73.45	74.56	76.27	98.17	172.26

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

#### 4.6.4 Akaun Wang Deposit

Wang Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik saja selesai maksudnya. Senarai baki deposit hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dan salinan kepada Jabatan Audit Negara pada akhir bulan

Disember setiap tahun. Analisis Audit terhadap Akaun Wang Deposit mendapatkan perkara seperti berikut:

- i) Pada akhir tahun 2007 Kerajaan Negeri mempunyai 19 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 37 Jabatan melalui 94 kira-kira deposit yang berbaki RM234.32 juta. Baki deposit telah menurun sejumlah RM136.54 juta atau 36.8% menjadi RM234.32 juta pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM370.86 juta. Analisis Audit mendapatkan penurunan yang ketara ialah bagi deposit tanah telah menurun sejumlah RM144.03 juta menjadi RM181.35 juta pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 berjumlah RM325.38 juta. Penurunan ini disebabkan pembayaran balik kepada pendeposit oleh Pejabat Tanah Johor Bahru berjumlah RM189.62 juta untuk Projek Senai Airport, bayaran balik Pihak Berkuasa Tempatan dan kelulusan tapak perumahan serta tanah berkelompok telah berkurangan pada tahun 2007. Kedudukan baki akaun deposit bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Kedudukan Baki Deposit Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Jenis Deposit	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)
1.	Tanah	325.38	181.35	(144.03)
2.	Wang Jaminan Pelaksanaan	13.03	16.28	3.25
3.	Am Jabatan	12.38	13.70	1.32
4.	Pampasan Perpindahan	6.88	8.50	1.62
5.	Bon Jamin Mahkamah	3.96	4.05	0.09
6.	Hiburan	3.64	4.11	0.47
7.	Wang Ganti Rugi	1.86	1.86	0.00
8.	Sewa Rumah	1.07	1.10	0.03
9.	Tender	1.07	0.19	(0.88)
10.	Sistem Kultur Laut	0.60	0.66	0.06
11.	Projek Gerbang Selatan	0.39	0.40	0.01
12.	Pajak Gadai	0.16	0.13	(0.03)
13.	Cagaran	0.14	0.17	0.03
14.	Simpanan Untuk Kelong	0.12	0.12	0.00
15.	Pelarasan Perbendaharaan*	0.08	0.08	0.00
16.	Cagaran Kantin	0.06	0.10	0.04
17.	Cagaran Sewa Bangunan	0.02	0.00	(0.02)
18.	Perusahaan Pukat Tunda	0.02	0.02	0.00
19.	Pelarasan Jabatan Hutan*	0.00	1.50	1.50
<b>Jumlah</b>		<b>370.86</b>	<b>234.32</b>	<b>(136.54)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

Nota: \*Pelarasan Deposit

- ii) Trend baki deposit bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Kedudukan Baki Akaun Deposit Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Deposit	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Tanah	86.19	83.61	104.52	325.38	181.35
2.	Wang Jaminan Pelaksanaan	9.06	13.54	11.53	13.03	16.28
3.	Am Jabatan	11.23	11.25	11.65	12.38	13.70
4.	Pampasan Perpindahan	0.40	2.49	1.00	6.88	8.50
5.	Bon Jamin Mahkamah	3.62	3.89	3.78	3.96	4.05
6.	Hiburan	2.31	2.77	3.34	3.64	4.11
7.	Wang Ganti Rugi	1.70	1.76	1.85	1.86	1.86
8.	Sewa Rumah	0.85	0.91	1.00	1.07	1.10
9.	Tender	2.93	1.40	1.70	1.07	0.19
10.	Sistem Kultur Laut	0.40	0.45	0.51	0.60	0.66
11.	Projek Gerbang Selatan	5.73	0.39	0.40	0.39	0.40
12.	Pajak Gadai	0.16	0.16	0.16	0.16	0.13
13.	Cagaran	0.18	0.16	0.18	0.14	0.17
14.	Simpanan Untuk Kelong	0.12	0.12	0.12	0.12	0.12
15.	Pelarasan Perpendaharaan*	1.42	1.59	1.03	0.08	0.08
16.	Cagaran Kantin	0.02	0.03	0.05	0.06	0.10
17.	Cagaran Sewa Bangunan	0.00	0.00	0.00	0.02	0.00
18.	Perusahaan Pukat Tunda	0.02	0.02	0.02	0.02	0.02
19.	Pelarasan Jabatan Hutan*	0.51	0.70	0.11	0.00	1.50
<b>Jumlah</b>		<b>126.85</b>	<b>125.24</b>	<b>142.95</b>	<b>370.86</b>	<b>234.32</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

Nota: \*-Pelarasan Deposit

- iii) Analisis akaun wang deposit untuk 5 tahun mendapati baki akaun wang deposit telah meningkat daripada RM126.85 juta menjadi RM234.32 juta pada tahun 2007 iaitu peningkatan sejumlah RM107.47 juta atau 84.7%. Peningkatan ketara baki ini adalah melibatkan baki deposit tanah di mana baki pada tahun 2003 yang berjumlah RM86.19 juta telah meningkat sejumlah RM95.16 juta atau 110.4% menjadi RM181.35 juta pada akhir tahun 2007 disebabkan pertambahan dan kelulusan permohonan pengambilan tanah.

#### **4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

**4.7.1** Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan Bilangan 2 yang telah berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan keluar tunai serta kesetaraan tunai. Aliran masuk terimaan terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan amanah lain. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran amanah lain. Analisis Audit menunjukkan sumber dana Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM4,374.18

juta terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dan terimaan modal. Sejumlah RM4,367.10 juta telah digunakan untuk pembayaran bagi perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta amanah dan deposit. Pada akhir tahun 2007, baki wang tunai telah meningkat sejumlah RM7.08 juta atau 7.6% iaitu daripada RM93.33 juta pada tahun 2006 menjadi RM100.41 juta pada tahun 2007.

**4.7.2** Pada tahun 2007 aliran masuk tunai Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM1,474.98 juta atau 50.9% menjadi RM4,374.18 juta berbanding RM2,899.20 juta pada tahun 2006. Aliran masuk tunai yang tertinggi adalah daripada terimaan lain iaitu sejumlah RM3,562.89 juta. Butiran aliran masuk tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Aliran Masuk Tunai Kerajaan Negeri**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Penerimaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	221.52	226.26	4.74	2.1
2.	Hasil Bukan Cukai	246.78	305.45	58.67	23.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	224.92	247.89	22.97	10.2
4.	Pinjaman Dalam Negeri	0.51	-	(0.51)	(100.0)
5.	Modal	30.79	31.69	0.9	2.9
6.	Terimaan Lain	2,174.68	3,562.89	1,388.21	63.8
<b>Jumlah</b>		<b>2,899.20</b>	<b>4,374.18</b>	<b>1,474.98</b>	<b>50.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

**4.7.3** Aliran keluar tunai pada tahun 2007 juga meningkat sejumlah RM1,543.28 juta atau 54.7% menjadi RM4,367.10 juta berbanding RM2,823.82 juta pada tahun 2006. Aliran keluar tertinggi adalah daripada bayaran amanah berjumlah RM3,397.52 juta atau 77.8% daripada keseluruhan aliran keluar wang tunai berjumlah RM4,367.10 juta. Butiran aliran keluar tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Aliran Keluar Tunai Kerajaan Negeri**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Pembayaran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbelanjaan Mengurus	686.09	775.08	88.99	13.0
2.	Perbelanjaan Pembangunan	191.95	194.50	2.55	1.3
3.	Bayaran Pinjaman	0.01	0	(0.01)	(100.00)
4.	Bayaran Amanah	1,945.77	3,397.52	1,451.75	74.6
<b>Jumlah</b>		<b>2,823.82</b>	<b>4,367.10</b>	<b>1,543.28</b>	<b>54.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

## 4.8 PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, pelaburan dan tunggakan hasil Kerajaan Negeri. Manakala Penyata Akaun Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam dan luar negeri.

### 4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

- a) Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Syarikat dengan Kerajaan Negeri. Pinjaman yang dikeluarkan kepada agensi-agensi tersebut dibiayai melalui sumber Negeri dan sumber Persekutuan. Semakan Audit mendapati baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2007 menurun sejumlah RM41.82 juta atau 5.9% iaitu daripada RM714.51 juta pada tahun 2006 menjadi RM672.69 juta pada tahun 2007. Ia terdiri daripada baki pinjaman Syarikat Air Johor Holdings Sendirian Berhad berjumlah RM597.50 juta, Perbadanan Johor berjumlah RM66.61 juta, Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM5.56 juta dan Yayasan Pelajaran Johor berjumlah RM3.02 juta. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri menerima bayaran balik pinjaman berjumlah RM41.82 juta daripada 4 Agensi iaitu Syarikat Air Johor Holding Sdn. Bhd berjumlah RM39.15 juta, Perbadanan Johor berjumlah RM2.07 juta, Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM0.20 juta dan Yayasan Pelajaran Johor berjumlah RM0.40 juta. Semakan Audit juga mendapati 3 Agensi Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik berjumlah RM601.61 juta pada akhir tahun 2007. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut dan tunggakan bayaran balik pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Dan Tunggakan Bayaran Balik Pada Tahun 2007**

Bil.	Nama Agensi	Baki Pinjaman Pada 1.1.2007 (RM Juta)	Bayaran Balik (RM Juta)	Baki Pinjaman pada 31.12.2007 (RM Juta)	Tunggakan Bayaran Balik Pokok + Faedah (RM Juta)
1.	Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd.	636.65	39.15	597.50	511.82
2.	Perbadanan Johor	68.68	2.07	66.61	87.59
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	5.76	0.20	5.56	0.00
4.	Yayasan Pelajaran Johor	3.42	0.40	3.02	2.20
<b>Jumlah</b>		<b>714.51</b>	<b>41.82</b>	<b>672.69</b>	<b>601.61</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor*

- b) Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Baki Pinjaman Boleh Tuntut Oleh Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Nama Agensi	Baki Pinjaman Boleh Dituntut				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Syarikat Air Johor Holding Sdn. Bhd.	679.52	655.11	636.64	636.64	597.50
2.	Perbadanan Johor	72.61	72.61	70.65	68.69	66.61
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	5.96	5.86	5.86	5.76	5.56
4.	Yayasan Pelajaran Johor	4.32	3.92	3.52	3.42	3.02
<b>Jumlah</b>		<b>762.41</b>	<b>737.50</b>	<b>716.67</b>	<b>714.51</b>	<b>672.69</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

#### 4.8.2 Pelaburan

- a) Pelaburan saham yang dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM446.55 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan saham bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor berjumlah RM344.55 juta, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM100 juta, Syarikat Permodalan Darul Tak'zim Sdn. Bhd. berjumlah RM1 juta dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM1 juta. Analisa Audit menunjukkan pelaburan ini meningkat sejumlah RM22.90 juta atau 5.4% berbanding baki berjumlah RM423.65 juta pada tahun 2006. Ini adalah disebabkan pelaburan saham bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor telah meningkat berjumlah RM22.90 juta atau 7.1% menjadi RM344.55 juta pada tahun 2007 berbanding sejumlah RM321.65 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini adalah disebabkan Tabung Amanah Kerajaan Negeri Johor telah memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM22.90 juta pada tahun 2007. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri Johor mengikut Akaun Memorandum Pelaburan bagi tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Kedudukan Pelaburan Mengikut Penyata Akaun Memorandum Pelaburan**  
**Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Pelaburan	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Peningkatan	
				(RM Juta)	(%)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	321.65	344.55	22.90	7.1
2.	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd	100.00	100.00	0.00	0.00
3.	Syarikat Permodalan Darul Takzim	1.00	1.00	0.00	0.00
4.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor	1.00	1.00	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>423.65</b>	<b>446.55</b>	<b>22.90</b>	<b>5.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

- b) Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum Pelaburan bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Kedudukan Pelaburan Mengikut Penyata Akaun Memorandum Pelaburan**  
**Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Pelaburan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	292.07	303.00	308.06	321.65	344.55
2.	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
3.	Syarikat Permodalan Darul Takzim	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
4.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
<b>Jumlah</b>		<b>394.07</b>	<b>405.00</b>	<b>410.06</b>	<b>423.65</b>	<b>446.55</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor*

**Jadual 32** menunjukkan pelaburan bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor telah meningkat setiap tahun. Peningkatan ini adalah disebabkan Tabung telah memperoleh keuntungan bagi tempoh tersebut dan menyebabkan baki pelaburan bersih Kerajaan Negeri pada tahun 2003 yang berbaki RM292.07 juta telah meningkat menjadi RM344.55 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2007, Tabung masih mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM45.85 juta. Ini menyebabkan pelaburan asal Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM390.40 juta dalam Tabung ini telah merosot menjadi RM344.55 juta pada akhir tahun 2007 dengan mengambil kira kerugian terkumpul Tabung yang berjumlah RM45.85 juta.

#### 4.8.3 Tunggakan Hasil

- a) Berdasarkan Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri, tunggakan hasil bagi 36 pemungut hasil berjumlah RM153.47 juta pada akhir tahun 2007. Semakan Audit mendapati sebahagian besar daripada tunggakan hasil tersebut merupakan hasil Pejabat Tanah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Cawangan Perumahan) dan Unit Perancang Ekonomi berjumlah RM136.69 juta atau 89.1% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil tahun 2007. Tunggakan tersebut menunjukkan peningkatan sejumrah RM12.26 juta atau 8.7% jika dibandingkan dengan tunggakan pada tahun 2006 yang berjumlah RM141.21 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju perumahan, pengusaha pusat peranginan, pengusaha ladang dan orang perseorangan atas alasan kegawatan ekonomi dan sikap pembayar cukai tanah bagi pemilik baru. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	73.21	76.96	3.75	5.1
2.	Sewa Dan Sewa Beli Rumah	41.25	42.11	0.86	2.1
3.	Hasil Penswastaan	14.17	17.62	3.45	24.3
4.	Hasil Lain	12.58	16.78	4.20	33.4
<b>Jumlah</b>		<b>141.21</b>	<b>153.47</b>	<b>12.26</b>	<b>8.7</b>

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri


- b) Analisis *trend* tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 34** dan **Carta 6**.

**Jadual 34**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	69.45	81.16	137.68	73.21	76.96
2.	Sewa Dan Sewa Beli Rumah	37.70	39.63	40.84	41.25	42.11
3.	Hasil Penswastaan	13.93	8.12	16.17	14.17	17.62
4.	Hasil Lain	2.98	3.64	9.69	12.58	16.78
<b>Jumlah</b>		<b>124.06</b>	<b>132.55</b>	<b>204.38</b>	<b>141.21</b>	<b>153.47</b>

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Jabatan Negeri

**Carta 6**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Jabatan Negeri

#### 4.8.4 Hutang Kerajaan Negeri

- a) Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi menampung pembentukan projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM841.13 juta berbanding RM896.10 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM54.97 juta atau 6.1%. Manakala baki tunggakan bayaran balik Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM3.06 juta atau 0.4% menjadi RM697.35 juta pada akhir tahun 2007 berbanding baki berjumlah RM700.41 juta pada akhir tahun 2006. Penurunan ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri telah dapat menjelaskan sebahagian daripada tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berbanding pada tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Hutang Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan**  
**Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006**

Bil.	Jenis Hutang	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	93.40	84.80	(8.60)
2.	Projek Bekalan Air	677.53	633.88	(43.65)
3.	Projek Perbadanan Johor	37.03	35.39	(1.64)
4.	Pinjaman Lain	88.14	87.06	(1.08)
<b>Jumlah</b>		<b>896.10</b>	<b>841.13</b>	<b>(54.97)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor


- b) Analisis Audit mendapati kedudukan baki hutang Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 hingga 2007, menurun pada setiap tahun antara RM13.69 juta hingga RM54.97 juta. Penurunan baki Hutang Kerajaan Negeri menunjukkan Kerajaan Negeri ada menjelaskan hutang terhadap 4 projek berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan, walaupun tidak mengikut jadual bayaran balik yang sepatutnya. Ini kerana bayaran balik pinjaman daripada Agensi Kerajaan Negeri tidak diterima sebagaimana dijadualkan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri tidak dapat menjelaskan bayaran balik terhadap 4 projek berkenaan kepada Kerajaan Persekutuan selagi Agensi berkenaan tidak melunaskan hutang mereka. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 36** dan **Carta 7**.

**Jadual 36**  
**Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**

Bil.	Nama Agensi	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	105.85	96.27	101.45	93.40	84.80
2.	Projek Bekalan Air	709.97	696.00	677.53	677.53	633.88
3.	Projek Perbadanan Johor	68.18	68.18	38.99	37.03	35.39
4.	Pinjaman Lain	74.67	72.60	91.82	88.14	87.06
<b>Jumlah</b>		<b>958.67</b>	<b>933.05</b>	<b>909.79</b>	<b>896.10</b>	<b>841.13</b>

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

**Carta 7**  
**Kedudukan Baki Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2003 Hingga 2007**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri telah menunjukkan peningkatan di mana Akaun Hasil Disatukan telah memperoleh surplus pada tahun 2007. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007 dengan baki defisit Akaun Hasil Disatukan menurun sejumlah RM4.51 juta atau 1.3% menjadi RM335.02 juta berbanding baki defisit berjumlah RM339.53 juta pada tahun 2006. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mempertingkatkan dan memperkuatkan lagi kedudukan kewangannya kerana Akaun Hasil Disatukan masih menunjukkan defisit berjumlah RM335.02 juta pada tahun 2007. Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi Negeri serta berusaha menambahkan sumber pendapatan. Selain itu, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk mengutip tunggakan hasil kerana jumlah tunggakan hasil pada tahun 2007 berjumlah RM153.47 juta meningkat sejumlah RM12.26 juta atau 8.7% berbanding tahun 2006 berjumlah RM141.21 juta. Tindakan lebih tegas perlu diambil bagi menuntut tunggakan pinjaman daripada Agensi Negeri berjumlah RM601.61 juta pada akhir tahun 2007.

### **BAHAGIAN III RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

## **6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN**

**6.1** Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Negeri Johor untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Johor. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Johor mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

**6.2** Bagi menjayakan RMK-9 siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.37 bilion. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 14 jabatan. Pada tahun 2007 jumlah peruntukan yang diluluskan adalah berjumlah RM217.07 juta. Tiga daripada 14 jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar berjumlah RM81.38 juta atau 37.5%, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM42.07 juta atau 19.4% dan Jabatan Agama Johor berjumlah RM25.28 juta atau 11.6%.

**6.3** Sehingga tahun 2007 sebanyak 9,691 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 14 Jabatan/Agenzi. Semakan Audit menunjukkan terdapat 9 jabatan yang mempunyai bilangan projek yang melebihi 20 projek yang keseluruhannya bernilai RM180.43 juta iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Cawangan Kerajaan Tempatan), Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Menteri Besar, Jabatan Agama, Jabatan Landskap, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Tindakan Pelancongan Johor. Pada keseluruhannya sebanyak 9,268 projek atau 95.6% daripada 9,691 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37  
Status Pelaksanaan Projek RMK-9  
Sehingga 31 Disember 2007**

Bil.	Status Projek	Bilangan	Jabatan/ Agenzi Terlibat	Peratusan (%)
1.	Projek Telah Siap	9,268	8	95.6
2.	Projek Dalam Proses Perancangan	69	2	0.7
3.	Projek Mengikut Jadual	73	6	0.7
4.	Projek Lewat Dari Jadual	33	4	0.3
5.	Projek Belum Mula	248	4	2.6
<b>Jumlah</b>		<b>9,691</b>	<b>24</b>	<b>100</b>

Sumber: Rekod Jabatan Negeri Johor

**6.4** Sebanyak 10 jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebih 80% daripada peruntukan yang diluluskan. Dua jabatan telah membelanjakan 70% hingga 79%, satu jabatan iaitu Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor membelanjakan RM0.66 juta atau 26.4% daripada peruntukan berjumlah RM2.5 juta dan peruntukan Wang Cadangan Belanja Mengejut berjumlah RM0.5 juta tidak dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMK-9 adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9**  
**Sehingga 31 Disember 2007**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Yang Diluluskan RMK-9 Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Jabatan Perikanan	0.41	0.41	100.0
2.	Jabatan Pertanian	8.70	7.31	84.0
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	19.60	19.25	98.2
4.	Jabatan Haiwan	8.50	7.55	88.8
5.	Setiausaha Kerajaan Johor (Cawangan Kerajaan Tempatan)	7.63	7.61	99.7
6.	Setiausaha Kerajaan Johor (Cawangan Perumahan)	3.05	2.15	70.5
7.	Pejabat Tanah Dan Daerah	11.00	10.73	97.5
8.	Pejabat Menteri Besar	81.38	75.03	92.2
9.	Jabatan Hutan	4.95	4.19	84.6
10.	Jabatan Agama	25.28	19.64	77.7
11.	Jabatan Landskap	1.50	1.40	93.3
12.	Jabatan Kerja Raya	42.07	38.56	91.7
13.	Majlis Tindakan Pelancongan Johor	2.50	0.66	26.4
14.	Perbendaharaan (Wang Cadangan Belanja Mengejut)	0.50	0.00	0.00
<b>Jumlah</b>		<b>217.07</b>	<b>194.49</b>	<b>89.6</b>

Sumber: Rekod Jabatan Negeri Johor

**6.5** Sejumlah 9,268 daripada keseluruhan 9,691 projek telah berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sejumlah 69 dalam proses perancangan, 33 projek tidak mengikut jadual dan 73 projek mengikut jadual. Manakala 248 projek masih belum dimulakan lagi. Projek tersebut masih belum dimulakan kerana masih dalam peringkat kerja-kerja perancangan tanah, kerja ukur dan proses penyediaan tender. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Setakat 31 Disember 2007**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Belum Mula	Dalam Proses Perancangan	Lewat Jadual	Ikut Jadual	Projek Siap	Jumlah
1.	Jabatan Perikanan	-	-	-	13	-	13
2.	Jabatan Pertanian	-	-	-	-	7	7
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	-	-	-	27	-	27
4.	Jabatan Haiwan	-	-	3	18	-	21
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kerajaan Tempatan)	-	-	-	-	79	79
6.	Pejabat Menteri Besar/ Pejabat Tanah Dan Daerah Johor Bahru	215	-	-	-	9,030	9,245
7.	Jabatan Perhutanan	-	-	1	-	14	15
8.	Jabatan Agama Johor	9	45	11	6	19	90
9.	Jabatan Kerja Raya		24	18	5	21	68
10.	Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor	20	-	-	4	2	26
11.	Jabatan Lanskap Negeri Johor	4	-	-	-	96	100
<b>Jumlah</b>		<b>248</b>	<b>69</b>	<b>33</b>	<b>73</b>	<b>9,268</b>	<b>9,691</b>

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

**BAHAGIAN IV**  
**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**  
**JABATAN/AGENSI NEGERI**

## **7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI**

**7.1** Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**7.2** Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

**7.3** Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

**7.4** Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

**7.5** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya,

sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

## 8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## 9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

**9.1** Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Tanah Muar, Pejabat Tanah Batu Pahat, Pejabat Daerah Kluang, Pejabat Muzium Diraja, Perbadanan Johor, Yayasan Warisan Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Daerah Yong Peng. Bagi tahun 2007, hanya 8 Jabatan/Agensi Negeri telah diaudit disebabkan oleh kekangan kakitangan.

**9.2** Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

**9.3** Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga

dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006 dan 2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **10. PENEMUAN AUDIT**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 4 Jabatan Negeri, Perbadanan Johor, Yayasan Warisan Negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Daerah Yong Peng adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut 9 jenis kawalan yang mana berkaitan seperti berikut:

### **10.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan jawatankuasa yang diwujudkan dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **a) Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan pematuhan terhadap peraturan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri.

- i) Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepermulaan yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- ii) Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii) Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

**b) Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.
- iv) Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

**c) Keberkesanan Jawatankuasa Yang Diwujudkan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan pengurus dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

**i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengurus dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**ii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**iii) Unit Audit Dalam**

Pekeling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada pengurusan atasan/Lembaga Pengarah, melaksanakan kerja pengauditan mengikut perancangan dan laporan dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Audit. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan/Agensi adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**d) Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

## **10.2 KAWALAN BAJET**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

**a) Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bilangan 2 Tahun 2006 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2007 – 2008). Selain itu, Arahan Perbendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

**b) Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

**c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

**e) Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **10.3 KAWALAN TERIMAAN**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

**a) Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

**b) Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan pegawaiannya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

**c) Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

**d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan

penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai yang diselenggarakan oleh Jabatan Negeri. Bagi Agensi Negeri yang mempunyai Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun atau Dokumen Kualiti, semakan Audit juga telah dijalankan terhadap pematuhan terhadap peraturan kawalan perakaunan terimaan/hasil yang telah ditetapkan.

**e) Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

## **10.4 KAWALAN PERBELANJAAN**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

**a) Perakaunan**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agenzi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan atau peraturan kewangan yang ditetapkan oleh Agenzi Negeri.

**b) Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agenzi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agenzi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

**c) Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

## **10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap perkara seperti berikut:

**a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

**b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri berkaitan:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

**c) Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Manakala Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

## **10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR**

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri berhubung dengan perkara-perkara seperti berikut:

**a) Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

**b) Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

**c) Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

**d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.

- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
  - iii) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
  - iv) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
  - v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
  - vi) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**e) Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkod dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkod dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

**f) Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan di tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

**g) Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perpendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

## **10.7 PENGURUSAN PELABURAN**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi Negeri. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

## **10.8 PENGURUSAN PINJAMAN**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.


## **10.9 PENYATA KEWANGAN**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agensi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 30 April setiap tahun. Pegawai Kewangan Negeri Johor juga mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh yang ditetapkan. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## **11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN**

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di Perbadanan Johor adalah pada tahap sangat baik dengan diberi penarafan 4 bintang manakala Pejabat Tanah Muar, Majlis Daerah Yong Peng dan Pejabat Tanah Batu Pahat mencapai tahap baik dengan diberi penarafan 3 bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan keseluruhan Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah seperti di **Carta 8**.

**Carta 8**  
**Tahap Prestasi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan**  
**Jabatan/Agenси Negeri Bagi Tahun 2007**



## 12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di satu Agenси Negeri adalah pada tahap sangat baik dan 3 Jabatan/Agenси Negeri pada tahap baik. Manakala 4 Jabatan/Agenси Negeri mencapai tahap memuaskan. Prestasi Jabatan/Agenси yang tidak dapat mencapai tahap sangat baik atau cemerlang masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- Di peringkat Jabatan/Agenси Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam dan lebih fokus sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004.
- Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, maka peranan Unit Audit Dalam Kerajaan Negeri yang ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri perlu digembelengkan bagi menjalankan pengauditan di Jabatan/Agenси Negeri dengan lebih kerap. Bagi agensi

yang mempunyai Unit Audit Dalamnya sendiri hendaklah manfaatkan sepenuhnya kewujudan Unit Audit Dalam berkenaan.

- d) Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Unit Audit Dalamnya mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f) Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/ membuat bayaran tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

**BAHAGIAN V**  
**PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, PIHK BERKUASA TEMPATAN DAN**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM**

**13. PENDAHULUAN**

Selain mengaudit Penyata Kewangan, pengurusan kewangan dan aktiviti Kerajaan Negeri, pengauditan juga dijalankan terhadap penyata kewangan agensi Kerajaan Negeri. Di negeri Johor, terdapat 27 agensi Kerajaan Negeri yang terdiri daripada 11 Badan Berkanun Negeri, 15 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam.

**14. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

**14.1** Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan agensi Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk memastikan segala akaun serta rekod kewangan di selenggara dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2007, ada 11 Badan Berkanun Negeri, 15 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam tertakluk di bawah pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Daripada jumlah tersebut, penyata kewangan bagi 2 Badan Berkanun Negeri, satu Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara. Manakala penyata kewangan 9 Badan Berkanun Negeri dan 14 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

**14.2** Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya, pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan.

**14.3** Lawatan ke pejabat agensi semasa pengauditan dijalankan oleh firma audit swasta juga dibuat untuk memastikan pasukan Audit yang terlibat terdiri daripada pegawai yang berkelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Perancangan Audit. Semasa lawatan, pihak firma audit swasta boleh berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara mengenai perkara berbangkit semasa pengauditan dijalankan. Perbincangan ini membolehkan perkara berbangkit yang kurang material dapat diselesaikan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail kerja, senarai terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara material dibangkitkan, bukti audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta dinilai dan akan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

## **15. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

**15.1** Akta Audit 1957 menghendaki semua penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata itu hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Pada keseluruhannya penyerahan penyata kewangan oleh agensi sehingga akhir bulan Jun 2008 adalah baik di mana kesemua 15 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2007. Manakala 4 badan berkanun negeri dan Majlis Agama Islam Negeri juga telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2007. Kedudukan terperinci penyerahan akaun Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri sehingga akhir 20 Jun 2008 adalah seperti di **Jadual 41** manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 42**.

**Jadual 41**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri  
Dan Majlis Agama Islam Sehingga 20 Jun 2008**

Bil.	Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam	Penyata Kewangan Yang Terakhir Diakui	Penyata Kewangan Yang Sedang Diaudit	Penyata Kewangan Belum Diterima
<b>A.</b>	<b>Badan Berkanun Negeri</b>			
1.	Perbadanan Johor	2007	-	-
2.	Yayasan Pelajaran Johor	2006	-	2007
3.	Perbadanan Islam Johor	2006	-	2007
4.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang Islam Negeri Johor	2006	-	2007
5.	Yayasan Warisan Negeri	2006	-	2007
6.	Taman Ibrahim Muar	2006	2007	-
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam	2006	2007	-
8.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim	2006	-	2007
9.	Perbadanan Stadium Johor	2006	-	2007
10.	Perbadanan Taman Negara Johor	2006	-	2007
11.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	2006	2007	-
<b>B.</b>	<b>Majlis Agama Islam</b>			
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	2005	2006-2007	-

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**Jadual 42**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan  
Pihak Berkuasa Tempatan Sehingga 20 Jun 2008**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Kewangan Yang Terakhir Diakui	Penyata Kewangan Yang Sedang Diaudit	Penyata Kewangan Belum Diterima
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	2006	2007	-
2.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	2006	2007	-
3.	Majlis Perbandaran Muar	2005	2006-2007	-
4.	Majlis Perbandaran Kluang	2006	2007	-
5.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	2006	2007	-
6.	Majlis Perbandaran Kulai	2005	2006-2007	-
7.	Majlis Daerah Kota Tinggi	2007	-	-
8.	Majlis Daerah Yong Peng	2006	2007	-
9.	Majlis Daerah Segamat	2006	2007	-
10.	Majlis Daerah Labis	2006	2007	-
11.	Majlis Daerah Pontian	2007	-	-
12.	Majlis Daerah Simpang Renggam	2006	2007	-
13.	Majlis Daerah Tangkak	2006	2007	-
14.	Majlis Daerah Mersing	2006	2007	-
15.	Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang	2007	-	-

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**15.2** Pejabat Pegawai Kewangan Negeri telah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk memastikan semua akaun agensi telah disediakan dengan kemas kini. Unit Pemantauan yang telah ditubuhkan oleh Pejabat Pegawai Kewangan Negeri pada tahun

2006 sentiasa memantau penyerahan penyata kewangan oleh agensi. Peranan yang dijalankan oleh Unit Pemantauan ini telah menyebabkan agensi terlibat menghantar penyata kewangan mengikut jadual yang ditetapkan.

## **16. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

**16.1** Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 39 penyata kewangan Agensi iaitu 18 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, 19 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan 2 penyata kewangan Majlis Agama Islam pada tahun 2007. Sebanyak 25 sijil adalah Sijil Tanpa Teguran iaitu 11 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, 13 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan satu penyata kewangan Majlis Agama Islam. Manakala Sijil Berteguran telah diberi kepada 2 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, 6 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan satu penyata kewangan Majlis Agama Islam. Satu Badan Berkanun Negeri telah diberi Sijil Penafian bagi 5 penyata kewangannya. Maklumat lanjut mengenai kedudukan persijilan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Pada Tahun 2007**

Bil.	Agensi	Bil. Penyata Kewangan	Tahun Penyata Kewangan	Jenis Sijil
<b>A. Badan Berkanun Negeri</b>				
1.	Perbadanan Johor	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
2.	Yayasan Pelajaran Johor	5	2002-2006	Sijil Penafian
3.	Perbadanan Islam Johor	2	2004-2005	Sijil Tanpa teguran
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	2	2005-2006	Sijil Tanpa Teguran
5.	Perbadanan Taman Negara Johor	1	2006	Sijil Berteguran
6.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim	2	2004-2005	Sijil Tanpa Teguran
7.	Perbadanan Stadium Johor	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
8.	Yayasan Warisan Negeri	1	2005	Sijil Berteguran
9.	Taman Ibrahim Muar	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
10.	Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
11.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>		
<b>B. Pihak Berkuasa Tempatan</b>				
1.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
2.	Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
3.	Majlis Perbandaran Muar	2	2003-2004	Sijil Berteguran
4.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	2	2005-2006	Sijil Tanpa Teguran
5.	Majlis Perbandaran Kluang	2	2005-2006	Sijil Berteguran
6.	Majlis Daerah Kota Tinggi	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Pontian	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
8.	Majlis Daerah Simpang Renggam	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Tangkak	1	2006	Sijil Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Labis	1	2005	Sijil Berteguran
11.	Majlis Daerah Segamat	2	2005-2006	Sijil Tanpa Teguran
12.	Majlis Daerah Yong Peng	2	2005-2006	Sijil Tanpa Teguran
13.	Majlis Daerah Mersing	1	2005	Sijil Berteguran
		1	2006	Sijil Tanpa Teguran
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>		
<b>C. Majlis Agama Islam</b>				
1.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	1	2004	Sijil Tanpa Teguran
		1	2005	Sijil Berteguran
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>39</b>		<b>25 Sijil Tanpa Teguran</b> <b>9 Sijil Berteguran</b> <b>5 Sijil Penafian</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**16.2** Penyata kewangan disahkan dengan Sijil Berteguran apabila terdapat isu yang dibangkitkan menjaskan pengesahan Audit terhadap angka di penyata kewangan sama ada dari aspek pematuhan kepada piawaian perakaunan, pematuhan undang-undang dan peraturan kewangan serta kelemahan penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- a) Dokumen sokongan tidak diselenggarakan dengan lengkap untuk mengesahkan baki penghutang dan pembiutang.
- b) Nilai aset tidak dapat disahkan kerana Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan.
- c) Pihak Ketiga tidak membuat pengesahan mengenai baki simpanan tetap, pelaburan, penghutang dan pembiutang.
- d) Penyata bank dan penyata penyesuaian bank tidak dikemukakan.

Penyata kewangan bagi satu Agensi yang disahkan dengan Sijil Penafian disebabkan angka beberapa perkara di penyata kewangan tidak dapat disahkan seperti terhutang oleh syarikat subsidiari, pinjaman pelajaran, pelaburan jangka pendek dan penghutang. Ini disebabkan ketiadaan dokumen yang lengkap untuk menyokong angka tersebut.

## 17. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 20 Jun 2008, sebanyak 82 penyata kewangan Agensi yang telah disahkan tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak 67 penyata kewangan bagi 10 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam masih belum dibentangkan. Daripada jumlah tersebut, satu Badan Berkanun Negeri masih belum membentangkan penyata kewangan tahun 1989 hingga 2006. Antara sebabnya ialah kegagalan Agensi berkenaan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarahnya untuk membincangkan penyata kewangan yang telah disahkan sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala 15 penyata kewangan bagi 11 Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disahkan masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Maklumat terperinci mengenai pembentangan penyata kewangan yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri adalah seperti di **Jadual 44**. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 44**  
**Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan**  
**Majlis Agama Islam Negeri Yang Telah Disahkan**  
**Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 20 Jun 2008**

Bil.	Agensi Negeri	Penyata Kewangan Terakhir Dibentangkan	Penyata Kewangan Belum Dibentangkan	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
1.	Perbadanan Johor	2001	2002 2003 2004 2005 2006 2007	11.9.2003 24.8.2004 29.8.2005 28.7.2006 27.6.2007 9.5.2008
2.	Yayasan Pelajaran Johor	2001	2002-2004 2005-2006	23.7.2007 4.12.2007
3.	Perbadanan Islam Johor	2005	2006	27.5.2008
4.	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang Islam Negeri Johor	2004	2005 2006	6.9.2006 25.9.2007
5.	Yayasan Warisan Negeri	-	1992-1993 1994 1995 1996 1997 1998 1999 2000 2001-2003 2004-2005 2006	29.11.2996 16.9.1997 1.3.1999 3.5.2000 26.10.2001 5.11.2003 28.4.2004 26.5.2005 8.12.2005 16.4.2007 11.3.2008
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	1998	1999 2000 2001-2002 2003-2004 2005 2006	20.8.2002 11.10.2004 16.2.2005 29.12.2006 18.6.2007 26.10.2007
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim	2002	1998-1999 2003 2004 2005 2006	14.12.2001 22.11.2006 22.11.2006 26.11.2007 6.6.2008
8.	Perbadanan Stadium Johor	-	1989-1996 1997-1999 2000 2001-2002 2003 2004-2005 2006	19.6.2003 30.7.2004 1.11.2004 29.11.2004 20.9.2006 5.1.2007 26.12.2007
9.	Perbadanan Taman Negara Johor	2005	2006	25.10.2007
10.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	2005	2006	26.12.2007
11.	Majlis Agama Islam Negeri Johor	2001	2002 2003 2004 2005	8.8.2005 2.6.2006 23.7.2007 3.8.2007

Sumber: Rekod jabatan Audit Negara

**Jadual 45**  
**Pembentangan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Yang Telah Disahkan Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 20 Jun 2008**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Kewangan Terakhir Dibentangkan	Penyata Kewangan Belum Dibentangkan	Tarikh Penyata Kewangan Disahkan
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	2004	2005-2006	28.5.2008
2.	Majlis Perbandaran Kulai	2004	2005	28.5.2008
3.	Majlis Perbandaran Kluang	2002	2003-2004 2005-2006	29.12.2006 6.12.2007
4.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	2006	-	-
5.	Majlis Perbandaran Muar	2004	2005	29.1.2008
6.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	2005	2006	4.12.2007
7.	Majlis Daerah Labis	2005	2006	20.5.2008
8.	Majlis Daerah Kota Tinggi	2006	2007	29.5.2008
9.	Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang	2006	2007	20.5.2008
10.	Majlis Daerah Yong Peng	2006	-	-
11.	Majlis Daerah Mersing	2005	2006	15.11.2007
12.	Majlis Daerah Pontian	2006	2007	6.5.2008
13.	Majlis Daerah Segamat	2006	-	-
14.	Majlis Daerah Tangkak	2006	-	-
15.	Majlis Daerah Simpang Renggam	2005	2006	12.11.2007

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 18. PRESTASI KEWANGAN

### 18.1 KEDUDUKAN KEWANGAN AGENSI NEGERI

Analisis kedudukan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Jabatan Audit Negara telah mengesahkan penyata kewangan tahun 2006 bagi 11 Badan Berkanun Negeri dan 13 Pihak Berkuasa Tempatan sehingga 20 Jun 2008.

### 18.2 BADAN BERKANUN NEGERI

Kedudukan kewangan bagi Badan Berkanun Negeri berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2006 yang telah disahkan sehingga 20 Jun 2008 adalah seperti di **Jadual 46.**

**Jadual 46**  
**Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006**

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Nisbah Kecairan
1.	Perbadanan Johor	812.0	697.0	115.0	1,352.0	1,107.0	1.22:1
2.	Perbadanan Stadium Johor	0.58	0.52	0.06	0.20	0.17	1.18:1
3.	Perbadanan Taman Negara Johor	5.41	7.04	(1.63)	4.69	3.92	1.20:1
4.	Taman Ibrahim Muar	0.01	0.02	(0.01)	0.04	0.21	0.19:1
5.	Kumpulan Wang Amanah Orang -orang Islam Negeri Johor	3.00	2.02	0.98	6.27	0.65	9.65:1
6.	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	0.50	0.53	(0.03)	1.71	0.00	171:1
7.	Yayasan Warisan Negeri	4.09	4.04	0.05	6.46	2.10	3.08:1
8.	Yayasan Pelajaran Johor	14.12	6.03	8.09	205.94	110.32	1.87:1
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	5.30	4.57	0.73	1.98	0.57	3.47:1
10.	Perbadanan Islam Johor	71.29	66.51	4.78	49.64	21.98	2.26:1
11.	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	4.29	4.49	(0.20)	0.53	0.02	26.5:1

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Merujuk kepada **Jadual 46**, 7 Badan Berkanun Negeri mencatatkan *surplus* pada tahun kewangan 2006 di mana Perbadanan Johor mencatatkan surplus tertinggi. Bagaimanapun jumlah surplus lebihan Perbadanan Johor menurun sejumlah RM9 juta iaitu 7.3% berbanding *surplus* bagi tahun kewangan 2005 yang berjumlah RM124 juta. Enam Badan Berkanun Negeri yang lain mencatatkan *surplus* yang sederhana antara RM0.05 juta hingga RM8.09 juta memandangkan operasinya yang menjurus kepada pemberi perkhidmatan (*service provider*). Perbadanan Taman Negara Johor, Taman Ibrahim Muar, Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim mencatatkan defisit bagi tahun kewangan 2006 antara RM0.01 juta hingga RM1.63 juta. Prestasi kewangan Perbadanan Taman Negara Johor bagi tahun kewangan 2006 adalah bertambah baik di mana defisit pada tahun 2005 yang berjumlah RM2.75 juta telah dapat dikurangkan menjadi RM1.63 juta pada tahun 2006. Manakala prestasi kewangan Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor adalah tidak memuaskan kerana surplus berjumlah RM0.34 juta yang diperoleh pada tahun 2005 telah menjadi defisit pada tahun 2006 dengan RM0.03 juta.

Perbandingan antara aset semasa dan liabiliti semasa mendapati 10 Badan Berkanun Negeri mencatatkan baki positif aset semasa bersih. Manakala satu Badan Berkanun Negeri mengalami kekurangan aset semasa bersih. Ini menunjukkan 10 Badan Berkanun Negeri tersebut mempunyai kemampuan untuk menjelaskan hutang jangka pendek manakala satu lagi tidak berkemampuan. Kemampuan kewangan ini diukur melalui nisbah

kecairan iaitu membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor menunjukkan nisbah kecairan yang tinggi iaitu 171:1 walaupun mengalami defisit berbanding Perbadanan Stadium Johor (1.18:1) dan Perbadanan Taman Negara Johor (1.20:1). Ini disebabkan Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor tiada mempunyai liabiliti semasa. Manakala Taman Ibrahim Muar mengalami kekurangan aset semasa bersih iaitu pada nisbah kecairan 0.19:1.

### **18.3 PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Kedudukan kewangan bagi Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2006 yang telah disahkan sehingga 20 Jun 2008 adalah seperti di **Jadual 47**.

**Jadual 47**  
**Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Nisbah Kecairan
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	134.12	139.32	(5.20)	126.98	46.96	2.70:1
2.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	90.27	76.07	14.20	162.44	39.23	4.14:1
3.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	32.42	29.16	3.26	34.93	14.08	2.48:1
4.	Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang	60.70	54.51	6.19	41.99	36.59	1.15:1
5.	Majlis Daerah Kota Tinggi	14.08	9.18	4.90	26.29	5.99	4.39:1
6.	Majlis Daerah Pontian	18.56	13.87	4.69	14.41	5.60	2.57:1
7.	Majlis Daerah Simpang Renggam	6.95	4.84	2.11	5.03	1.85	2.72:1
8.	Majlis Daerah Tangkak	7.86	7.35	0.51	6.59	5.14	1.28:1
9.	Majlis Daerah Yong Peng	9.51	7.48	2.03	14.25	3.73	3.82:1
10.	Majlis Daerah Mersing	5.84	4.80	1.04	4.41	1.95	2.26:1
11.	Majlis Perbandaran Kluang	24.34	22.24	2.10	16.74	6.32	2.65:1
12.	Majlis Daerah Segamat	15.43	16.22	(0.79)	8.57	3.00	2.86:1
13.	Majlis Daerah Labis	8.03	7.89	0.14	1.79	2.48	0.72:1

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

**Jadual 47** menunjukkan 11 Pihak Berkuasa Tempatan telah memperoleh *surplus* pada tahun 2006 manakala 2 lagi memperoleh defisit. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah mencatat *surplus* tertinggi berjumlah RM14.20 juta berbanding Majlis Daerah Labis yang mencatat *surplus* terendah berjumlah RM0.14 juta. Bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru defisit yang diperoleh berjumlah RM5.20 juta manakala Majlis Daerah Segamat mengalami defisit berjumlah RM0.79 juta. Kesemua Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai lebihan aset semasa berbanding dengan liabiliti semasa kecuali Majlis Daerah Labis yang memperoleh nisbah kecairan 0.72:1. Ini menunjukkan 12 Pihak Berkuasa Tempatan berkeupayaan untuk menanggung liabiliti semasanya manakala Majlis Daerah Labis tidak

berkeupayaan untuk menanggung liabiliti semasanya. Bagaimanapun, mengikut amalan biasa sesebuah entiti berkenaan akan dikategorikan sebagai mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memuaskan serta berkemampuan untuk membayar hutang semasanya sekiranya nisbah kecairan adalah pada 2:1. Berdasarkan kepada **Jadual 47**, 10 Pihak Berkuasa Tempatan dikategorikan sebagai mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh kerana mempunyai nisbah kecairan antara 2.26 hingga 4.39.

#### **18.4 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Jabatan Audit Negara juga telah membuat analisis terhadap tunggakan hasil cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2005 dan 2006 seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48**  
**Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Bagi Tahun 2005 Dan 2006**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Johor Bahru	62.64	70.99	8.35
2.	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	27.82	31.36	3.54
3.	Majlis Perbandaran Batu Pahat	15.63	16.64	1.01
4.	Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang	9.55	11.02	1.47
5.	Majlis Daerah Kota Tinggi	3.40	3.64	0.24
6.	Majlis Daerah Pontian	4.03	4.09	0.06
7.	Majlis Daerah Simpang Renggam	1.18	0.67	(0.51)
8.	Majlis Daerah Tangkak	1.05	1.20	0.15
9.	Majlis Daerah Yong Peng	6.09	5.89	(0.20)
10.	Majlis Daerah Mersing	0.66	0.65	(0.01)
11.	Majlis Daerah Segamat	3.35	3.86	0.51
12.	Majlis Perbandaran Kluang	5.73	7.52	1.79
13.	Majlis Daerah Labis	0.37	0.63	0.26
<b>Jumlah</b>		<b>141.50</b>	<b>158.16</b>	<b>16.66</b>

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Berdasarkan kepada **Jadual 48**, tunggakan hasil bagi 13 Pihak Berkuasa Tempatan telah meningkat sejumlah RM16.66 juta atau 11.8% daripada RM141.50 juta pada tahun 2005 menjadi RM158.16 juta pada tahun 2006. Analisis Audit menunjukkan 10 Pihak Berkuasa Tempatan mencatat peningkatan tunggakan cukai taksiran antara RM0.06 juta hingga RM8.35 juta. Manakala 3 Pihak Berkuasa Tempatan mencatat pengurangan tunggakan hasil antara RM0.01 juta hingga RM0.51 juta. Peningkatan jumlah tunggakan cukai taksiran yang paling tinggi adalah Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan RM8.35 juta atau 13.3%. Manakala peningkatan peratusan tunggakan cukai taksiran yang paling tinggi adalah Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang iaitu RM1.47 juta atau 15.4%.

## **19. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, penyerahan penyata kewangan dan persijilan penyata kewangan agensi Kerajaan Negeri adalah baik. Bagaimanapun kepentingan pembentangan penyata kewangan yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri sebagaimana kehendak undang-undang perlu diambil perhatian. Agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.

**BAHAGIAN VI**  
**TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

## 20. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Hasil pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini.

## 21. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 YANG MASIH BELUM SELESAI

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
20.1	<p><b>Pengurusan Kewangan Di Jabatan Negeri</b></p> <p>Kawalan Pengurusan Pejabat Daerah Pontian, JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Agama Johor, Bahagian Pendidikan Agama adalah tidak memuaskan kerana Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini serta Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan.</p>	<p>JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal telah melengkapkan dan mengemaskinikan Fail Meja serta menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun pada bulan Ogos 2007. Manakala bagi Pejabat Daerah Pontian dan Jabatan Agama Islam, Bahagian Pendidikan Agama, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun masih belum ditubuhkan. Fail Meja bagi kedua-dua pejabat ini juga masih belum lengkap dan kemas kini.</p>	<p>Pejabat Kewangan Negeri perlu menyusuli perkara ini dengan Pejabat Daerah Pontian dan Jabatan Agama Islam, Bahagian Pendidikan Agama atas kegagalan menubuhkan Jawatankuasa berkenaan. Manakala Ketua Jabatan bagi kedua-dua Pejabat ini perlu menetapkan satu tempoh untuk pegawaiya melengkapkan dan mengemaskinikan Fail Meja.</p>
20.3	<p>Kawalan perbelanjaan di Pejabat Daerah Pontian dan Jabatan Agama Johor, Bahagian Pendidikan Agama adalah tidak memuaskan.</p>	<p>Pejabat Daerah Pontian telah mengambil tindakan untuk menyediakan Daftar Bil dan Buku Rekod Setem dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, Daftar Bil tidak disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, Penyata Penyesuaian Perbelanjaan yang disediakan masih tidak lengkap dan Daftar Bayaran tidak diperiksa oleh pegawai yang diberi kuasa. Manakala surat pelantikan untuk ahli Jawatankuasa Sebut Harga/Tender dan Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender masih belum</p>	<p>Ketua Jabatan bagi kedua-dua Jabatan Negeri ini disarankan supaya meneruskan usaha untuk memperbaiki kelemahan kawalan perbelanjaan berkaitan. Kelemahan-kelemahan berkenaan akan dapat diatasi dengan tindakan proaktif dan pemantauan berkesan oleh pegawai penyelia dan atasan.</p>

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
		<p>mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri.</p> <p>Jabatan Agama Johor, Bahagian Pendidikan Agama telah mengambil tindakan untuk menyediakan Daftar Bil dan disemak oleh pegawai kanan. Bagaimanapun, Laporan Harian Buku Vot masih belum dicetak setiap hari.</p>	
20.4	Pengurusan akaun amanah dan deposit tidak memuaskan kerana tindakan pewartaan akaun deposit yang tidak aktif belum dilaksanakan penyata penyesuaian tidak disediakan. Selain itu, daftar yang berkaitan dengan pinjaman tidak diselenggarakan mengikut peraturan.	<p>Pejabat Daerah Pontian sedang menyemak semula akaun deposit yang tidak aktif untuk tujuan pewartaan manakala Jabatan Agama Islam, Bahagian Pendidikan Agama masih belum mengambil tindakan terhadap akaun deposit cagaran kantin yang tidak dituntut/tidak diperlukan lagi.</p> <p>Bagi Daftar Pinjaman Perumahan pula telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini oleh Pejabat Daerah Pontian dan JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal. Bagaimanapun, Jabatan Agama Johor, Bahagian Pendidikan Agama masih belum melengkapkan dan mengemaskinkan Daftar Pinjaman Kenderaan.</p>	<p>Kedua-dua Jabatan Negeri ini disarankan menetapkan satu tempoh untuk pegawainya menyelesaikan akaun deposit yang tidak aktif atau tidak dituntut dan kelemahan penyelenggaraan rekod. Tindakan tata tertib hendaklah diambil terhadap pegawai yang gagal menyelesaikan kelemahan berbangkit dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
20.5	Pengurusan aset dan inventori Jabatan adalah tidak memuaskan kerana Jabatan tidak mematuhi sebahagian besar peraturan yang berkuat kuasa.	<p>JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal telah mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dengan menyediakan Daftar Harta Modal dan Inventori yang lengkap dan kemas kini, menjalankan pemeriksaan fizikal, melaksanakan tindakan pelupusan dan aset diberi tanda pengenal.</p> <p>Bagi Pejabat Daerah Pontian pula, Daftar Harta Modal dan Inventori yang diselenggarakan belum lengkap dan kemas kini kerana pegawai baru ditempatkan. Tanda Hak Milik Kerajaan sedang dilaksanakan. Bagaimanapun, surat kuasa untuk pegawai</p>	<p>Perkara ini telah selesai dan Jabatan Negeri ini disarankan supaya meneruskan usahanya untuk melengkapkan daftar berkaitan untuk pembelian semasa dan melaksanakan tindakan pemantauan seperti yang ditetapkan dalam peraturan berkaitan.</p> <p>Ketua Jabatan berkaitan perlu menujuhkan satu pasukan khas untuk mengatasi kelemahan yang dilaporkan dalam satu tempoh yang ditetapkan. Tindakan tata tertib perlu diambil terhadap pegawai dan</p>

<b>No. Perenggan</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008</b>	<b>Ulasan Audit</b>
		<p>menjalankan pemeriksaan fizikal dan menyelia kenderaan belum dibuat secara bertulis.</p> <p>Manakala Jabatan Agama Johor, Bahagian Pendidikan Agama masih dalam tindakan untuk mengemaskinikan Daftar Harta Modal dan Inventori.</p>	kakitangan yang gagal menjalankan kewajipan dan tanggungjawab yang diamanahkan.
37.1.2	<b>Pengurusan Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim</b> Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (Yayasan) masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.	Yayasan masih belum mengambil tindakan untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja.	Bahagian Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Unit Pemantauan Pejabat Pegawai Kewangan Negeri perlu menjalankan pemeriksaan dan pemantauan terhadap Agensi ini supaya kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Audit diambil tindakan pembetulan dan penambahan dengan segera. Satu tempoh perlu ditetapkan untuk Agensi ini mengatasi kelemahan-kelemahan berbangkit.
37.2.1	Daftar Kebenaran Memungut Wang Hasil tidak diselenggarakan oleh Yayasan.	Daftar berkenaan masih belum disediakan oleh Yayasan.	
37.2.4 b)	Semakan Audit mendapati Pejabat Cawangan Yayasan di 7 daerah tidak menyelenggarakan Penyata Borang Hasil Yang Dikawal untuk merekodkan nombor siri resit yang telah digunakan dan belum digunakan setiap bulan sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 65.	Yayasan masih belum menyelenggarakan Penyata berkenaan.	
37.2.7	Semakan Audit mendapati Yayasan tidak menyelenggarakan Daftar Mel walaupun ada menerima wang awam melalui mel.	Yayasan masih belum menyelenggarakan Daftar Mel.	
37.2.10 a) dan b)	Semakan Audit mendapati tiada bukti semakan harian dilakukan oleh pihak Ketua Jabatan atau wakilnya terhadap semua akaunnya dan Yayasan masih belum melakukan pemeriksaan mengejut.	Semakan dan pemeriksaan ini masih belum dilaksanakan.	
37.3.3	Semakan Audit mendapati Daftar Bil tidak dikemaskinikan dengan maklumat seperti tarikh bil diterima serta tarikh dan	Daftar Bil masih tidak dikemaskinikan dengan maklumat seperti tarikh bil diterima serta tarikh dan	

No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	seperti bil diterima serta tarikh dan nombor baucar bayaran.	nombor baucar bayaran disediakan.	
37.6.3	Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pemeriksaan tahunan terhadap aset ada dilakukan oleh Ketua Eksekutif Yayasan atau pegawai yang diberi kuasa selaras dengan Perenggan 238 Tatacara Pengurusan Stor.	Pemeriksaan tahunan masih belum dilaksanakan.	
37.6.5	Semakan Audit mendapati Lembaga Pemeriksaan masih belum ditubuhkan untuk memeriksa dan mengeluarkan laporan mengenai aset yang telah rosak, usang dan tidak ekonomi untuk diperbaiki.	Yayasan masih belum menubuhkan Lembaga Pemeriksaan berkaitan.	
42.1.4	<b>Pengurusan Kewangan Majlis Perbandaran Kulai</b> Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Fail Meja terhadap setiap kakitangannya.	Fail Meja untuk setiap pegawai masih dalam proses penyediaan kerana kekurangan kakitangan. Penyediaan Fail Meja akan selesai pada tahun 2008 kerana penstrukturkan perjawatan Majlis telah diluluskan.	Majlis perlu tetapkan satu tempoh untuk menyelesaikan kelemahan ini dan sekiranya perlu adalah disarankan supaya pengambilan pegawai kontrak dilantik sementara menunggu pengisian jawatan penstrukturkan semula untuk mengatasi kelemahan berbangkit dengan segera.
42.1.5	Pihak Audit mendapati Majlis belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.	Kertas kerja untuk menubuhkan Jawatankuasa ini masih menunggu kelulusan Majlis.	Majlis perlu menyegerakan penubuhan Jawatankuasa ini, memandangkan Jawatankuasa ini amat penting untuk memantau pengurusan kewangan Majlis. Pejabat Kewangan Negeri disaran memantau Majlis berhubung dengan penubuhan Jawatankuasa ini.

<b>No. Perenggan</b>	<b>Isu-Isu Laporan Audit</b>	<b>Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008</b>	<b>Ulasan Audit</b>
42.2.10	Semakan Audit mendapati Daftar Kompaun tidak disediakan untuk mengawal jumlah kompaun dikeluarkan, dijelaskan dan baki tertunggak.	Majlis masih belum menyediakan Daftar Kompaun kerana kekurangan kakitangan. Daftar Kompaun ini dijangka dapat disiapkan pada tahun 2008.	Majlis perlu tetapkan satu tempoh untuk menyelesaikan kelemahan ini dan sekiranya perlu adalah disarankan supaya pengambilan pegawai kontrak dilantik sementara menunggu pengisian jawatan penstruktur semula untuk mengatasi kelemahan berbangkit dapat diatasi dengan segera.
42.2.12 b)	Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Daftar Pemeriksaan Mengejut dan tidak ada bukti yang menunjukkan pemeriksaan mengejut telah dibuat.	Daftar berkenaan masih belum diselenggarakan. Pihak Majlis memaklumkan Daftar ini akan disediakan pada tahun 2008.	
42.3.3 a)	Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Daftar Bil.	Daftar Bil belum diselenggarakan kerana kakitangan kurang faham penyediaannya. Majlis memaklumkan Daftar Bil ini akan diselesaikan pada tahun 2008 dan kakitangan terlibat akan diberi latihan.	
42.6	Pengurusan aset dan inventori Majlis adalah tidak memuaskan kerana daftar harta modal, inventori dan bekalan pejabat diselenggarakan tidak mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan dan Tatacara Pengurusan Stor. Selain itu buku log kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Daftar aset dan inventori belum direkod dan dikawal dengan sempurna. Semua isu yang dibangkitkan belum dilaksanakan kerana Majlis kekurangan kakitangan. Penyediaan Daftar ini dijangka dapat diselesaikan pada tahun 2008 dengan penstruktur perjawatan yang telah diluluskan.	

**BAHAGIAN VII**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI**

**22. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Seksyen 16 (2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2005 yang telah dikeluarkan pada 8 Ogos 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 15 November 2007. Manakala Laporan ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2006 yang telah dikeluarkan pada 23 Julai 2007 dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 20 Jun 2008.

**23. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI**

**23.1** Sehingga akhir tahun 2007, Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor (Jawatankuasa) masih lagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 hingga 2005. Sebanyak 3 kali mesyuarat telah diadakan pada tahun 2007. Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor sepatutnya pada tahun 2007 telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006. Ini adalah disebabkan Laporan tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 23 Julai 2007. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 49**.

**Jadual 49**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor Pada Tahun 2007**

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
8.2.2007	i) Pejabat Daerah Batu Pahat dan Pejabat Daerah Segamat ii) Pejabat Perhutanan Negeri Johor iii) Majlis Perbandaran Muar iv) Yayasan pelajaran Johor v) Pejabat Daerah Johor Baru vi) Setiausaha Kerajaan Cawangan Pentadbiran vii) Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	i) Pembinaan dan Pengurusan Kemudahan Awam di Mukim-mukim ii) Pengurusan Pembalakan di Negeri Johor iii) Pembinaan dan Pengurusan Gerai Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan dan Penggunaan dan Pengurusan Tanah Kurnia iv) Pengurusan Lesen dan Permit Hiburan vi) Pengurusan Rumah Kerajaan vii) Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Johor
1.3.2007	-	Membincangkan Penyata Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 dan 2004 untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri
11.12.2007	-	Membincangkan Laporan Audit Tahun 2005 untuk memilih Jabatan/Agensi tertentu dipanggil untuk pemeriksaan

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor

**22.2** Penyata Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kerajaan Negeri Johor Tahun 2003 Dan 2004 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor pada 19 Mac 2007. Penyata berkenaan mengandungi syor, cadangan dan keputusan Jawatankuasa berhubung dengan pemeriksaan Laporan Ketua Audit Negara berkaitan.

## **PENUTUP**

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan dan pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri di tahap yang memuaskan namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai, mematuhi standard perakaunan dan prosedur kewangan, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**20 Jun 2008**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI JOHOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2007.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin".  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia.**

**Putrajaya**  
**20 Jun 2008**

## Lampiran II

Lembaran Imbangan  
seperti pada 31 Disember 2007

Penyata	Nota	2007	2006
		RM	RM
<b>WANG AWAM</b>			
A WANGTUNAI	9	100,405,405.54	93,335,006.15
B PELABURAN	10	160,154,637.13	170,306,601.29
		260,560,042.67	263,641,607.44
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	11	(335,019,764.20)	(339,534,060.84)
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	12	5,157,951.99	5,157,951.99
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	13	590,421,854.88	598,017,716.29
		260,560,042.67	263,641,607.44

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan



DATIN PADUKA ZAINON BTE. HJ. YUSOF  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
JOHOR



MURSAN BIN KASSIM  
BENDAHARI NEGERI  
JOHOR

Tarikh : 14hb Mac 2008

### Lampiran III

**Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai  
seperti pada 31-12-2007**

<b>TERIMAAN</b>		<b>Kemaskini</b>	
	<b>Penyata C</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
Hasil			
Hasil Cukai		226,259,408.58	
Hasil Bukan Cukai		305,445,105.79	
Terimaan Bukan Cukai		247,893,463.59	
			779,597,977.96
Pinjaman	<b>Penyata D</b>		
Pinjaman Dalam Negeri			
Pinjaman Luar Negeri			
Terimaan Modal	<b>Penyata E1a</b>		
Terimaan Balik Pinjaman		0.00	
Jualan Aset Modal		11,727,498.91	
Pelbagai Terimaan Modal		19,958,609.00	31,686,107.91
Lain-Lain Terimaan	<b>Penyata E/E1</b>		
Terimaan Amanah		3,562,891,245.23	3,562,891,245.23
Jumlah Terimaan			4,374,175,331.11
<b>BAYARAN</b>			
Perbelanjaan Mengurus	<b>Penyata C</b>		
Emolumen		249,880,158.30	
Perkhidmatan Dan Bekalan		203,349,018.36	
Aset		6,004,130.94	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Teta		313,943,262.36	
Perbelanjaan Lain		1,907,111.36	
			775,083,681.32
Perbelanjaan Pembangunan	<b>Penyata E1a</b>		
Langsung		194,499,665.39	
Pinjaman		0.00	194,499,665.39
Perbelanjaan Modal	<b>Penyata B/E1</b>		
Pembelian Instrumen Kewangan		0.00	0.00
Bayaran Balik Pinjaman	<b>Penyata D</b>		
Pinjaman Dalam Negeri		0.00	
Pinjaman Luar Negeri			0.00
Lain-Lain Bayaran	<b>Penyata E/E1</b>		
Bayaran Amanah		3,397,521,585.00	
Jumlah Bayaran			4,367,104,931.71
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai			7,070,399.39
Wangtunai Pada 01 Januari 2007	<b>Penyata A</b>		93,335,006.15
JUMLAH WANGTUNAI PADA, 31-12-2007			100,405,405.54

## Lampiran IV

### Penyata Akaun Memorandum

seperti pada 31 Disember 2007

		Kemaskini	
		(RM)	(RM)
<b>TERIMAAN</b>			
<b>Hasil</b>	<b>Penyata C</b>		
Hasil Cukai		226,259,408.58	
Hasil Bukan Cukai		305,445,105.79	
Terimaan Bukan Cukai		247,893,463.59	
			<b>779,597,977.96</b>
<b>Pinjaman</b>	<b>Penyata D</b>		
Pinjaman Dalam Negeri		-	
Pinjaman Luar Negeri		-	
<b>Terimaan Modal</b>	<b>Penyata E1a</b>		
Terimaan Balik Pinjaman		0.00	
Jualan Aset Modal		11,727,498.91	
Pelbagai Terimaan Modal		19,958,609.00	31,686,107.91
<b>Lain-Lain Terimaan</b>	<b>Penyata E/E1</b>		
Terimaan Amanah		3,562,891,245.23	3,562,891,245.23
Jumlah Terimaan			<b>4,374,175,331.11</b>
<b>BAYARAN</b>			
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>Penyata C</b>		
Emolumen		249,880,158.30	
Perkhidmatan Dan Bekalan		203,349,018.36	
Aset		6,004,130.94	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Teta		313,943,262.36	
Perbelanjaan Lain		1,907,111.36	
			<b>775,083,681.32</b>
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	<b>Penyata E1a</b>		
Langsung		194,499,665.39	
Pinjaman		0.00	<b>194,499,665.39</b>
<b>Perbelanjaan Modal</b>	<b>Penyata B/E1</b>		
Pembelian Instrumen Kewangan		0.00	0.00
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>	<b>Penyata D</b>		
Pinjaman Dalam Negeri		0.00	
Pinjaman Luar Negeri		-	0.00
<b>Lain-Lain Bayaran</b>	<b>Penyata E/E1</b>		
Bayaran Amanah		3,397,521,585.00	
Jumlah Bayaran			<b>4,367,104,931.71</b>
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai			7,070,399.39
Wangtunai Pada 01 Januari 2007	<b>Penyata A</b>		93,335,006.15
<b>JUMLAH WANGTUNAI PADA, 31-12-2007</b>			<b>100,405,405.54</b>

## Lampiran V

**C** Penyata Akaun Hasil Disatukan  
seperti pada 31 Disember 2007

Perihal	2007			2006		
	Belanjawan		Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan	
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		(339,534,060.84)		(346,663,380.55)		
<b>I HASIL</b>						
Hasil Cukai	227,570,000.00	226,259,408.58	94.43	221,516,010.90	112.21	
Hasil Bukan Cukai	255,793,000.00	305,445,105.79	119.42	246,783,031.21	93.38	
Terimaan Bukan Hasil	201,368,000.00	247,893,463.59	123.11	224,918,890.55	122.42	
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>687,731,000.00</b>	<b>779,597,977.96</b>	<b>113.86</b>	<b>693,217,932.66</b>	<b>107.42</b>	
<b>II PERBELANJAAN MENGURUS</b>						
Eromulen	263,074,900.00	249,880,158.30	94.98	234,105,752.05	97.50	
Perkhidmatan Dan Bekalan	215,895,300.00	203,349,018.36	94.19	203,855,340.34	95.25	
Aset	7,699,500.00	6,004,130.94	77.98	7,607,865.96	88.13	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	342,427,300.00	313,943,262.36	91.68	239,826,730.65	82.28	
Perbelanjaan Lain	3,392,000.00	1,907,111.36	56.22	692,923.95	79.82	
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>832,489,000.00</b>	<b>775,063,681.32</b>	<b>93.10</b>	<b>686,088,612.95</b>	<b>90.86</b>	
<b>Lebihan /(Defisit) Bagi Tahun (I - II)</b>	<b>(130,840,887.65)</b>	<b>4,514,296.64</b>		<b>7,129,319.71</b>		
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>(335,019,764.20)</b>		<b>(339,534,060.84)</b>		

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

## DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING

### 1. Dasar Perakaunan

Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang, aturan dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.

### 2. Asas Perakaunan

Akaun Awam disediakan berasaskan tunai ubahsuai.

### 3. Kaedah Perakaunan

Kaedah Perakaunan adalah berdasarkan kepada konsep Kumpulanwang Disatukan seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- a) Fasal 97 memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya dikumpulkan menjadi satu kumpulanwang.
- b) Fasal 104 memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan untuk perbelanjaan tanggungan tertentu, diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri.

### 4. Pembentangan Akaun Awam

Penyata-penyata Akaun Awam yang disediakan adalah mengikut kehendak Akta Prosidur Kewangan 1957 Seksyen 16(1) seperti berikut:

- a) Akaun Hasil Disatukan
- b) Akaun Pinjaman Disatukan
- c) Akaun Amanah Disatukan
- d) Kumpulanwang lain di bawah Seksyen 10

e) Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan tanggungan.

### 5. Entiti Perakaunan

Entiti Perakaunan adalah terdiri daripada semua Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.

### 6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Akta Prosidur Kewangan 1957 Seksyen 3 adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

### 7. Urusniaga Dalam Matawang Asing

Hutang Awam dan Jaminan dalam matawang asing telah ditukar ke nilai persamaan Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia yang berkuatkuasa pada tarikh Lembaran Imbalan. Manakala urusniaga lain ditukar ke nilai persamaan Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tarikh urusniaga.

### 8. Tanggungan Luarjangka

Tanggungan Luarjangka adalah tanggungan yang mungkin menjadi kenyataan sekiranya berlaku peristiwa tertentu seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian. Jaminan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri ke atas pinjaman yang diambil oleh Agensi Kerajaan adalah merupakan Tanggungan Luarjangka.

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

## LEMBARAN IMBANGAN

### 9. Wangtunai – Penyata A

- a) Wangtunai adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Tangan, Wangtunai Dalam Perjalanan dan Wangtunai Dalam Bank.
- b) Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah membuat pelarasan perbezaan baki antara buku tunai dan bank sebagaimana yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank.

### 10. Pelaburan – Penyata B

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Lembaran Imbangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulanwang Disatukan.

### 11. Akaun Hasil Disatukan - Penyata C

#### a) Akaun Hasil - Penyata C1

Kutipan hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Peratusan jenis hasil adalah berdasarkan belanjawan dan bukan berdasarkan jumlah hasil seperti di tahun-tahun lepas untuk menunjukkan prestasi kutipan berbanding dengan belanjawan yang diluluskan.

#### b) Perbelanjaan Mengurus - Penyata C2.

Perbelanjaan Mengurus yang terdiri daripada perbelanjaan bagi

Maksud Tanggungan dan Bekala adalah merupakan semua kenaikan kepada peruntukan belanjawan bagi bayaran seperti berikut :

- i) Emolumen, barang – barang dan perkhidmatan;
- ii) Pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan;
- iii) Peruntukan kepada Badar Berkanun dan syarikat milik kerajaan melalui pemberian pinjaman dan pelaburan.

Perbelanjaan bagi maksud Tanggungan terdiri daripada perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

### 12. Akaun Pinjaman Disatukan - Penyata D

Pinjaman yang diterima dibawah kuasa undang-undang Persekutuan dan Negeri dan pembayarannya diakaunkan didalam Akaun Pinjaman Disatukan. Terimaan dan pinjaman dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan dan kumpulanwang yang lain yang dibenarkan oleh Dewan Undang Negeri bergantung tujuan pinjaman tersebut.

### 13. Akaun Amanah Disatukan - Penyata E

#### a) Kumpulanwang Pembangunan - Penyata E1a

Kumpulanwang ini ditubuhkan dibawah Akta Kumpulanwang Pembangunan 1965 dan urusniaga yang berkaitan dengannya diakaunkan dalam

*(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)*

**Akaun Kumpulanwang Pembangunan.**

Terimaan bagi Kumpulanwang ini adalah terdiri daripada pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulanwang ini.

Kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk tujuan tertentu mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1965.

**b) Akaun Kena Bayar - Penyata E1c**

Akaun Kena Bayar merupakan jumlah yang terhutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan sehingga 31 Disember 2007 di mana bayarannya dibuat dalam bulan Januari 2007.

**c) Kumpulanwang Amanah Kerajaan - Penyata E1c**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Prosidur Kewangan 1957 Seksyen 10 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusingan. Sumber kewangan Kumpulanwang ini adalah peruntukan daripada Kerajaan. Dengan pelaksanaan sistem SPEKS, baki awal pada 01 Januari 2007 berbeza sebanyak RM13.80 juta dari baki akhir 31 Disember 2005 kerana pelarasan baki bank pada tahun 2007.

Perkara ini akan berterusan pada setiap permulaan tahun kewangan dimana baki akhir tahun kewangan yang lepas akan dimasukkan ke dalam akaun Pemindahan Baki Bank.

**d) Kumpulanwang Amanah Awam – Penyata E1c**

Kumpulanwang Amanah ini adalah terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Khas yang ditubuhkan di bawah Akta yang berkaitan dan Wang Amanah

yang ditubuhkan di bawah Akta Prosidur Kewangan 1957 Seksyen

9. Sumber kewangan Kumpulanwang ini adalah terimaan dari orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan untuk tujuan tertentu.

**e) Deposit - Penyata E3**

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mananya undang-undang atau perjanjian.

**Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai**

**14. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai**

Semua penerimaan dan pembayaran wangtunai ditunjukkan di dalam penyata ini. Terimaan wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan terimaan-terimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus dan

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran lain.

hadapan selepas perjanjian ditandatangani dan sijil / unit saham dikeluarkan.

## AKAUN MEMORANDUM

### 15. Akaun Memorandum : Aset – Penyata F

Perolehan aset yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut asas tunai, seperti pelaburan dan hutang boleh tuntut tidak dilaporkan sebagai aset didalam Lembaran Imbangan. Oleh itu, nilai aset ini dilaporkan di dalam Akaun Memorandum.

### c) Tunggakan Hasil – Penyata F3

Jumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan Negeri pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berdasarkan kepada bil, invois, nota, pentaksiran atau melalui dasar-dasar dan keputusan-keputusan Kerajaan yang berkuatkuasa.

### a) Pinjaman Boleh Tuntut – Penyata F1

Baki pinjaman diberi yang masih belum dibayar balik kepada Kerajaan dan boleh dituntut pembayarannya daripada peminjam diklasifikasikan sebagai Pinjaman Boleh Tuntut.

### 16. Akaun Memorandum : Tanggungan – Penyata G

Baki hutang Kerajaan yang belum kena bayar tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan mengikut asas tunai tetapi dilaporkan dalam Akaun Memorandum. Tanggungan luarjangka dan saham orang awam yang dipegang oleh Kerajaan juga dilaporkan dalam Akaun Memorandum. Kedudukan hutang awam seperti dilaporkan dalam Penyata Memorandum adalah terdiri daripada baki hutang dalam negeri yang belum selesai.

### b) Pelaburan – Penyata F2

Pelaburan Kerajaan dalam Badan-badan Berkanun, Syarikat, TAWNJ, Agensi-agensi lain dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Nilai pelaburan ini dilaporkan secara terperinci di dalam Penyata Akaun Memorandum. Suntikan Modal Kerajaan Negeri di dalam Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) berjumlah RM72.0 juta kerana pengambilalihan hutang KPRJ akan ditunjukkan di dalam Penyata Akaun Memorandum pada tahun